

"NEGARA yang kukuh ialah negara yang didukung oleh rakyat yang bersatu padu. Apa pun keadaan dan masalah yang wujud, perpaduan adalah menjadi penamarnya yang paling mujarab." - Titah sempena menyambut Hari Raya Aidiladha Tahun 2000.

Pelita **قليتا بروني** BRUNEI



Membudayakan Masyarakat Bormaklumat

"IMAN" ialah agama tertinggi yang ada di dunia yang bererti hati yang bersih, berakhlak mulia dan beramal kebajikan. Iman adalah keyakinan yang berlandaskan kepada Allah SWT dan kepada hari akhirat. Iman adalah asas kepada semua amal kebajikan. Iman adalah asas kepada semua amal kebajikan. Iman adalah asas kepada semua amal kebajikan.



Menerima mengadap Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Yang Berhormat Dato Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir di Istana Nurul Iman pada hari Khamis, 28 Februari lalu (gambar atas).

Di Majlis Mengadap itu, Yang Berhormat diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama

Tuan Salman bin Ahmad, Yang Berhormat berada di negara ini bagi lawatan sehari ke Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga selaku Pemangku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof hadir sama di majlis tersebut.

Pakej latihan lanjutan : Kerajaan sediakan \$3 juta

Oleh Samle Haji Jait

GADONG. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan sebanyak \$3 juta melalui peruntukan \$200 juta skim pemulihan ekonomi jangka pendek bagi melanjutkan program latihan industri-kerajaan dan kemahiran industri-kerajaan lain termasuk teknologi infokomunikasi.

Dana berkenaan juga merupakan salah satu daripada pakej lanjutan bertujuan untuk mempercepatkan penyediaan tenaga kerja mahir dan separuh mahir tempatan dalam sektor industri dan perkhidmatan yang terpilih.

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi yang mengendalikan program itu membuat saranan untuk melatih

pencari pekerjaan dan pekerja tempatan bagi meningkatkan keupayaan dan mencerahkan prospek mereka mendapatkan pekerjaan dan kestabilan di sektor swasta.

"Kita bercadang membuka peluang melatih seramai 200 orang pencari pekerjaan yang mempunyai kelulusan Higher National Diploma (HND) dan 600 bukan pemegang diploma, bagaimanapun jumlah itu akan lebih bertambah mengikut tawaran yang akan diberikan oleh pihak-pihak syarikat swasta nanti," jelas Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Razali bin Mohd. Yusof ketika sidang akhbar di pejabatnya 2 Mac lalu.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Tingkatkan dan kukuhkan keupayaan bangsa

- Muka 2

Melirik Masa Silam :

Peritanya Perhubungan Dahulu

- Muka 3

Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan

- Muka 5, 8, 9 & 10

Pertingkatkan sumbangan, peranan masing-masing

- Muka 11

Menangani bersama isu penyeludupan manusia

- Muka 14

Tuntutan kebersihan dalam sembahyang

- Muka 4 ANEKA

Menjana Kesihatan Biskita : Mengenali penyakit buah pinggang

- Muka 7 ANEKA

Pemenang Logo Jubli Emas Jabatan Penerangan

- Muka 10 ANEKA

Brunei akan sertai Pertandingan Kemahiran ASEAN Ke-4

- Muka 11 ANEKA

Hadiri CHOGM di Australia

BRISBANE. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada 28 Februari lalu bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang berlangsung dari 2 hingga 5 Mac di Coolumb, Queensland.

Mesyuarat tersebut dengan tema khas 'Komanwel Di Abad Ke-21 : Kesenambungan dan Pembaharuan' akan membincangkan saranan-saranan bagi pertumbuhan itu menghadapi cabaran-cabaran abad dan mengenai isu-isu semasa antaranya terutama penentangan global terhadap keganasan.

Mesyuarat yang dihadiri oleh 53 buah negara itu diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II.

Komanwel perlu sedia berubah

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA dari Queensland

telah mengingatkan kita supaya merapatkan lagi hubungan di antara negara anggota yang mempunyai perbezaan kebudayaan dan fahaman dengan berpandukan pengetahuan yang luas," titah baginda.

Dalam pada itu, baginda sedar Komanwel berhadapan dengan pelbagai isu mencabar dan penting serta perlu diselesaikan segera selain merangka jangka panjang.

Sementara itu, Setiausaha Agung Komanwel, Yang Berhormat Tuan Donald McKinnon pula berkata, abad ke-20 telah berlalu tetapi masalah yang dihadapi belum lagi berakhir malah ia datang bersama cabaran baru.

"Dalam memastikan pertumbuhan itu relevan, negara-negara yang menganggotai Komanwel perlu bersedia untuk berubah dan menyen-

suakan diri dengan keadaan dan juga cabaran semasa," jelas Yang Berhormat.

Perdana Menteri Australia, Tuan Yang Terutama Tuan John Howard juga berucap mengenai soal globalisasi dan peranan Komanwel untuk kepentingan negara anggota.

Sidang selama empat hari bermula 2 hingga 5 Mac telah diadakan di dua tempat berasingan di Novotel Twin Waters Resort dan Hyatt Regency, Coolumb.

Hyatt Regency merupakan salah sebuah destinasi penginapan yang terbaik di Australia. Ia terletak di Kawasan Pantai Sunshine, Queensland menempatkan syurga pelancongan, di samping pantainya yang indah dengan keluasan 160 hektar.

Manakala Novotel Twin Waters Resort terletak di Selatan Noosa tepi pantai Sun-

shine. Ianya adalah pangkalan yang lengkap untuk dijelajahi bagi menikmati kemudahan rantau semula jadi.

Hampir 1,000 wakil media cetak dan elektronik tempatan dan luar negara berhimpun di pusat media yang dipasang dengan beberapa buah televisyen bagi memudahkan mereka menyaksikan detik bersejarah itu.

Lihat muka 16

TAHUKAH AWDA

DI BAWAH Pindaan Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27, memperdagangkan Methylamphetamine tanpa kebenaran jika banyaknya melebihi 50 gram akan membawa hukuman mati.

HALUAN...

Tingkatkan dan kukuhkan keupayaan bangsa



دغن نام الله يغمها
قصوره دان مها قبايغ

Dari Sidang Pengarang

6 MAC, 2002 BERSAMAAN 1422. 21 ذوالحجه.

TAP JAMINAN MASA DEPAN

TABUNG Amanah Pekerja (TAP) yang ditubuhkan pada 1 Januari, 1993 di bawah Kementerian Kewangan adalah sebuah organisasi keselamatan sosial yang berorientasikan perkhidmatan dengan fungsi utamanya menerima dan mengutip caruman untuk kepentingan ahli. Sebagai sebuah institusi persaraan yang kini mempunyai lebih 70 ribu orang ahli yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berumur di bawah 55 tahun iaitu bagi pekerja kerajaan yang tidak berpencen, TAP mempunyai misi jaminan keselamatan sosial kepada para pekerja melalui Akta Tabung Amanah Pekerja 1992.

Setahun kemudian, iaitu pada 1 Januari, 1994, TAP telah dilaratkan kepada sektor swasta dengan tujuan anak-anak tempatan tidak hanya memilih kerjaya dalam sektor kerajaan sahaja, malahan akan lebih cenderung menceburi sektor swasta yang juga menjanjikan masa depan yang terjamin bagi setiap pekerja.

Badan ini telah menyediakan sistem yang efisien dan mudah kepada ahli-ahlinya. Bagi tujuan itu, TAP sentiasa memastikan majikan memenuhi tanggungjawab undang-undang serta kewajipan moral mereka untuk mencarum kepada TAP bagi pihak pekerja, di samping terus komited terhadap pembangunan sosioekonomi negara melalui pelaburan yang cermat dan menyediakan persekitaran kerja yang selesa dan boleh mewujudkan motivasi, menggalakkan penyertaan serta mendorong para kakitangan mencapai kecemerlangan dalam pekerjaan.

Bagi memastikan para ahli tidak teraniaya TAP sentiasa memantau dan memastikan semua majikan membayar caruman setiap pekerjaanya dalam jumlah dan tempoh yang ditetapkan oleh Akta TAP, di samping memastikan ahli-ahli mendapat pulangan yang berpatutan ke atas pelaburan wang simpanan mereka.

Setelah sembilan tahun penubuhannya Lembaga Tabung Amanah Pekerja akan sentiasa meneruskan strategi pelaburan yang berhemat serta komited dalam menjaga dan meningkatkan nilai simpanan ahli-ahlinya, iaitu bersesuaian dengan salah satu objektif penubuhannya, iaitu bagi memberikan perkhidmatan yang cekap, berkesan, pemedulian dan berbudi bahasa kepada ahli-ahli dan majikan-majikan.

Jumlah dana pelaburan lembaga ini yang kini menjangkau B\$550 juta, sebagai mana yang diumumkan oleh TAP baru-baru ini merupakan bukti misi lembaga ini tercapai dan berjaya. Pengerusi Lembaga TAP, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, telah memaklumkan bahawa TAP telah mengisytiharkan dividen bagi tahun 2001 sebanyak tiga peratus dan dividen berkenaan telah pun dikreditkan ke akaun para pencaur TAP pada 16 Februari, 2002.

Pelaburan-pelaburan TAP telah menghasilkan pendapatan kasar sebanyak B\$17.3 juta di sepanjang tahun 2001 dan selepas ditolak kos operasi nilai pelaburan jumlah untuk pembayaran dividen sebanyak B\$13.6 juta dan telah pun dibayar kepada 70,000 ahli iaitu berbanding dengan B\$11.9 juta untuk 66,000 ahli pada tahun 2000. Bilangan akaun ahli pada tahun 2001 menunjukkan pertumbuhan sebanyak enam peratus, di mana kebanyakan ahli adalah di bawah 40 tahun iaitu mewakili 74 peratus dari jumlah keahlian. Jumlah caruman bagi lingkungan umur tersebut adalah B\$307 juta. Manakala jumlah caruman terkumpul pada akhir tahun 2001 berjumlah B\$511 juta berbanding dengan B\$420 juta di tahun 2000.

Bagi menentukan ahli-ahli TAP memperoleh semua simpanannya dengan mudah dan cepat apabila ahli ingin mengeluarkannya di atas sebab-sebab yang dibenarkan, bilangan pengeluaran telah melonjak tujuh peratus kepada 1,529 ahli iaitu membabitkan simpanan berjumlah B\$8.6 juta berbanding dengan 1,432 ahli bagi tempoh yang sama pada tahun 2000 iaitu sebanyak B\$6 juta. Menurut TAP sebanyak 83 peratus pengeluaran adalah untuk umur 50 dan 55 tahun dengan membabitkan simpanan sebanyak B\$7.4 juta. Manakala lain-lain pengeluaran seperti perumahan sebanyak 0.5 peratus yang membabitkan B\$142 ribu, hak waris tujuh peratus membabitkan B\$640 ribu dan hilang upaya 1 peratus membabitkan B\$160 ribu.

Bagi memastikan kejayaan TAP berterusan, setiap majikan dan ahli terutama ahli-ahli baru perlulah sentiasa mengaudit simpanan masing-masing, di samping memberikan alamat terkini bagi memudahkan penghantaran penyata kira-kira. Penyemakan yang betul oleh ahli bersama majikan atau terus berhubung kepada TAP akan memudahkan lagi strategi pelaburan TAP untuk menjamin pesaraan kita.



UCAPAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain di Majlis Pelancaran Bendera Bagi Kenderaan anjuran Jawatankuasa Tajaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-18 Tahun 2002 pada 17 Februari, 2002 bertempat di hadapan Bangunan Lapau Diraja.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

TERLEBIH dahulu saya selaku Pengerusi dan bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 Tahun 2002, sukacita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Dato Paduka Awang Haji Abdul Hapidz bin Pehin Laksamana Abdul Razak, Pengerusi Jawatankuasa Tajaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-18 Tahun 2002 kerana mengundang saya hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Bendera pada pagi ini. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan juga saya tujukan kepada Jawatankuasa Tajaan kerana berjaya lagi mengadakan Majlis Pelancaran Bendera Bagi Kenderaan pada tahun ini sebagai acara menjelang sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18.

Kita telah difahamkan bahawa bendera yang akan diagih-agihkan oleh Jawatankuasa Tajaan pada tahun ini adalah berjumlah 15,000 helai iaitu pertambahan sebanyak 5,000 daripada jumlah yang telah diagih-agihkan pada tahun 2001. Apa yang sangat dialu-alukan ialah pengagihan bendera ke seluruh daerah dimulakan pada tahun ini. Dengan pengagihan bendera yang semakin bertambah dan lebih meluas itu, saya penuh berharap semoga suasana dan semangat mengalu-alukan dan

menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan di seluruh negara pada tahun ini akan lebih kelihatan dan dirasakan meskipun jumlah bendera yang diagih-agihkan itu masih belum mencukupi dan perlu ditambah pada tahun hadapan.

Bagi mereka yang bernasib baik mendapat agihan bendera ini, saya penuh berharap semoga bendera-bendera tersebut akan terus dikibarkan di kenderaan masing-masing mulai hari ini sehingga menjelang dan sepanjang sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan pada tahun ini. Janganlah hendaknya bendera-bendera yang telah diagih-agihkan itu disimpan di dalam rumah atau diletakkan di tempat-tempat yang bukan sewajarnya. Bendera adalah simbol atau lambang kedaulatan negara yang perlu dihormati. Dari itu sama-samalah kita mengibarkan bendera negara di atas kenderaan masing-masing iaitu di tempat yang sewajarnya demi untuk memeriahkan dan menyemarakkan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan negara kita, di samping menanamkan dan mengukuhkan semangat cintakan raja dan negara.

Dalam kita menyemarakkan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan tahun ini, seluruh rakyat dan penduduk negara ini perlu pula menghayati dan mengamalkan maksud tema sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan yang berbunyi 'Memperkasakan Keupayaan Bangsa'. Untuk memperkasakan

bangsa, seluruh rakyat dan penduduk hendaklah meningkatkan dan memperkukuhkan keupayaan dalam apa jua bidang yang diperlukan dalam pembangunan bangsa dan negara, mengukuhkan perpaduan, pentadbiran, ekonomi, sosial, kebudayaan, amalan beragama, moral, ilmu, nilai murni, minda dan sebagainya. Nampaknya dunia yang kita harungi sekarang mewujudkan pelbagai cabaran dan proses yang sangat memerlukan kita memiliki kekuatan atau keupayaan yang membolehkan kita terus hidup dan wujud sebagai bangsa dan negara yang kukuh, maju, aman, makmur, berdaulat, bersatu padu serta bermaruah. Tema sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan tahun ini hendaklah betul-betul dihayati dan dilaksanakan oleh semua pihak dan lapisan bukan hanya untuk tahun 2002 tetapi juga untuk tahun-tahun seterusnya.

Untuk mengakhirinya, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa Tajaan kerana berjaya mengelolakan Majlis Pelancaran Bendera hari ini. Semoga usaha seperti ini akan diteruskan dan dilaksanakan dengan lebih cemerlang lagi pada tahun hadapan.

Dengan melafazkan kalimat 'Bismillahir Rahmanir Rahim', maka saya rasmikan Majlis Pelancaran Bendera pada pagi ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

NAMPAKNYA dunia yang kita harungi sekarang mewujudkan pelbagai cabaran dan proses yang sangat memerlukan kita memiliki kekuatan atau keupayaan yang membolehkan kita terus hidup dan wujud sebagai bangsa dan negara yang kukuh, maju, aman, makmur, berdaulat, bersatu padu serta bermaruah. Tema sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan tahun ini hendaklah betul-betul dihayati dan dilaksanakan oleh semua pihak dan lapisan bukan hanya untuk tahun 2002 tetapi juga untuk tahun-tahun seterusnya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Kerajaan Komanwel sebelum Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) 2002 berlangsung di Coolool, Queensland. - Gambar oleh Hani Osman.

Membincangkan pembangunan ekonomi Komanwel

Atur cara berasingan para isteri CHOGM

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA dari Queensland

COOLOLUM. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri beberapa acara dan mesyuarat rasmi di hari kedua Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) 2002 yang berlangsung di sini pada 3 Mac lepas.

Di sebelah pagi hari tersebut, Duli Yang Teramat Mulia mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Sesi Eksekutif Kedua ahli-ahli Komanwel membincangkan pembangunan ekonomi yang menyeluruh.

Selain itu sesi berkenaan juga membincangkan Tema Khas sidang berkenaan 'Komanwel Di Abad Ke-21: Kesenambungan dan Pembaharuan' serta isu-isu penting bagi negara kecil dalam Komanwel.

Manakala di sebelah petangnya, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menghadiri sesi pertama 'Retreat' Tidak Rasmi bagi memberi peluang ahli-ahlinya bertukar padangan mengenai hal-ehwal umum.

Di sebelah malamnya, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat bersama ketua-ketua kerajaan Komanwel dan ketua-ketua delegasi serta isteri masing-masing ke Majlis Jamuan Istimewa yang diberikan oleh Perdana Menteri Australia, Tuan Yang Terutama Tuan John Howard.

Ketika para pemimpin negara-negara kerajaan Komanwel (CHOGM) 2002 mengadakan persidangan, isteri-isteri mereka mempunyai atur cara lawatan berasingan.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat bersama mereka menghadiri Forum Mengenai Penyakit Barah yang disampaikan oleh penceramah yang terdiri daripada pakar-pakar kesihatan wanita Australia. Majlis berlangsung di Novotel Twin Waters Resort di sini pada 2 Mac lepas.

Forum berkenaan didahului dengan ucapan alu-aluan oleh Menteri Kesihatan dan Usia, Senator Kay Patterson yang antara lain menyentuh mengenai aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan forum tersebut.

Manakala tiga pakar lain, Puan Debra Lee, Pengurus Komunikasi Pusat Barah Payu Dara Kebangsaan; Puan Patricia Kamoth, Pengerusi Forum Wanita Puak Asli dan 'Torres Strait Islander' yang juga pekerja berkumpul bagi Komiti Penasihat Kebangsaan serta Dr. Heather Mitchell, Pengerusi Komiti Penasihat Kebangsaan menyampaikan ceramah masing-masing.

Australia merupakan antara segelintir negara yang mengemukakan program menggunakan kaedah mudah dan cara perubatan berkesan bagi mengurangkan jumlah kematian yang berespon daripada barah payu dara dan barah rahim.

Selain mengikuti forum berkenaan, para isteri pemimpin kerajaan Komanwel juga menghadiri pertunjukan fesyen pakaian wanita Australia yang memperlihatkan fesyen-fesyen terbaru oleh pereka-pereka terkemuka negara itu.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

PERITNYA PERHUBUNGAN DAHULU

LAUT dan sungai-sungai yang memanjang dan yang bersimpang-siur merupakan laluan utama dalam sistem perhubungan di masa silam. Tidak banyak kawasan-kawasan daratan yang digunakan untuk menjadi laluan perhubungan antara satu tempat dengan tempat yang lain. Masa yang lalu itu, melalui laut dan sungai-sungai adalah dirasakan lebih selesa untuk sampai ke destinasi-destinasi yang dituju. Sistem laluan tersebut dirasakan lebih senang dan mudah lantaran wujudnya peralatan kemudahan perhubungan pelbagai macam pengangkutan laut dan sungai seperti kapal, motor berenjin dalam dan luar, perahu-perahu yang berjenis-jenis dan pelbagai saiz dan bentuknya. Laluan melalui daratan tidak popular dan bagi kebanyakan rakyat Brunei kecuali yang memang tinggal di daratan sejak awal lagi.

Ini jelas menunjukkan bahawa umumnya penduduk Brunei tinggal di dua tempat iaitu di laut dan di darat. Dari segi kegiatan kehidupan pula, maka secara umum yang tinggal di darat itu adalah terdiri dari petani, peladang, penternak dan pengusaha-pengusaha penghasilan di daratan, sementara yang tinggal di laut dan pesisirnya serta pantai-pantai kelilingnya adalah nelayan dan pengusaha-pengusaha hasil laut, sungai-sungai yang tidak hanya terbatas kepada penangkapan ikan semata-mata bahkan perusahaan-perusahaan lain seperti batu-batuan, perbalakan dan lain-lain usaha yang dimanfaatkan dari yang dihasilkan oleh alam sekitarnya.

Sekitar tahun 1940-an tidak banyak terdapat jalan-jalan raya yang menghubungkan antara penduduk Brunei sebagai kemudahan untuk penghidupan masing-masing. Malahan untuk kepentingan perhubungan antara daerah-daerah tidaklah begitu mudah untuk dilakukan. Semuanya berlaku kerana adanya gangguan-gangguan sungai-sungai yang merintang laluan melalui daratan itu. Maka itu, sebagai kemudahan untuk meneruskan setiap perjalanan itu akan terpaksa menggunakan 'bantun' (ferry) untuk menyeberangi sungai-sungai yang merintang perjalanan tersebut. Peninggalan-peninggalan masa silam itu masih boleh dilihat sekarang ini seperti mana yang terdapat di Danau dan pantai-pantai yang menghubungkan antara Tutong dan Pekan Seria.

Bila disebut pantai-pantai di kawasan berkenaan itu, maka sudah barang tentu pantai-pantai juga terpaksa dimanfaatkan sebagai laluan yang mudah daripada menggunakan khidmat bantun untuk menyeberangi, maka lain-lain ungai di sepanjang menuju ke Pekan Seria itu adalah terdiri daripada sungai-sungai tur atau cetek yang boleh dilalui oleh kenderaan besar sahaja seperti bas dan lori. Kenderaan-kenderaan kecil boleh juga melaluinya tetapi di ketika air benar-benar tur baharulah mereka boleh menyeberanginya. Namun demikian, ada juga pemandu-pemandu kenderaan yang benar-benar mahir atau tabu rahsia menyeberangi sungai-sungai tersebut di ketika air masih memenuhinya dan berjaya melimpasinya.

Namun begitu, tidak semua yang boleh lepas dan kadang-kadang menerima nasib malang seperti terpaksa meninggalkan kenderaan mereka terbenam di pasir yang berair. Melihat kenderaan yang terbenam di pasir yang berair itu, pengguna-pengguna laluan pantai sebahagian besarnya akan segera menghulurkan bantuan untuk menarik keluar kenderaan yang terbenam itu tadi. Setiap kenderaan yang melalui pantai memang sudah mempunyai persiapan dengan pelbagai peralatan seperti tali, rantai, tali besi dan kalat minyak untuk tujuan menarik keluar kenderaan yang terbenam itu selain dari lain-lain peralatan untuk menggali seperti cangkul dan skop, talimbu, amar dan lain-lain lagi.

Dalam masa memuncang-muncang untuk menarik keluar kenderaan yang terkubur atau terbenam itulah, suasana yang mengelilinginya seolah-olah kita melihat sedang berlangsungnya satu temasya yang cukup menarik selain dari memperlihatkan betapa keprihatinan, pengalangan antara sesama kita cukup membayangkan nilai-nilai yang tinggi yang merapatkan lagi hubungan persaudaraan. Selain dari itu ia juga menambahkan lagi hubungan persahabatan antara rakyat dan penduduk negara di masa yang lalu itu. Sebab, suasana ini memperlihatkan kemurnian tolong-menolong yang berlandaskan keikhlasan dan kesederanan bahawa yang susah itu perlu ditolong, 'hari ini hari dia, masalah tahu esok atau lusa, tiba masanya hari kita pula'.

Susana ini juga tidak memilih siapa dan bangsa apa. Pokoknya yang mengalami kesusahan itu perlu ditolong. Sebab itu barangkali, penduduk Negara Brunei Darussalam ramai benar yang saling kenal-mengenal, malahan ada yang seperti dipertemukan semula antara saudara-mara yang terpisah lama. Inilah barangkali rahsia yang ditinggalkan oleh datuk nenek yang lalu yang berselindung di belakang makna 'jangan sekali-kali camah mata, berat tulang dan seumpamanya'. Nilai tinggi dari budi bicara yang demikian itu seolah-olah dapat membentuk institusi masyarakat yang benar-benar kukuh dikeranakan oleh saling tidak pencamah mata itu. Nampaknya tidak ada makna bagi orang yang membiarkan dirinya hidup dalam rantaian nafsu-nafsi atau 'kau, kau dan aku aku' yang sudahnya akan mati burang dan meninggalkan nama yang lebih banyak dicemuh dan dibenci dari dipuji oleh orang yang banyak. Namun demikian terlalu banyak dipuji juga tidak diinginkan oleh orang-orang dahulu kerana takut kalau-kalau 'masuk puji' yang akibatnya akan lupa diri dan memandang orang lain sebagai tidak berharga lagi. Demikian sekadar pitalasan hikmah dari sikap suka tolong-menolong itu menurut persepsi orang-orang dahulu.

Jalan raya di negara ini pada sekitar tahun yang disebutkan di atas adalah amat terbatas dan lebarnya pun kurang lebih secara pukol rata sekitar sepuluh kaki sahaja. Jalan raya dari Pekan Brunei ke Pekan Tutong sudah ada walaupun belum seluruhnya beraspal. Demikian juga jalan dari Pekan Brunei ke Pekan Muara. Keadaannya lebih banyak berbukit-bukit. Misalnya di Jalan Tutong, orang cukup kenal akan nama Bukit Telanai di Batu 4 dan Bukit Berayun di Batu 10, sementara di Jalan Muara, nama Bukit Sibang tidak sahaja tinggi tetapi juga menakutkan terutama di waktu malam dengan cerita-cerita misterinya yang cukup menyeramkan yang belum terungkap secara yang lebih jelas. Banyak kereta dan lori yang selalu menghadapi masalah ketika lalu di bukit ini. Apabila musim hujan, jarang kenderaan yang lalu di sini boleh lepas dengan senang. Seperti tidak cukup rukun kalau tidak terkubur atau terbenam dan terpaksa ditarik atau diumpil untuk lepas dari cengkamannya. Hatta di musim kering sekali pun kenderaan tidak akan terbenam, tetapi tidak jauh mudah untuk melimpasinya. Ada-ada saja yang tidak kena seperti pecah roda, kempis, enjin bergam dan brek tidak makan dan sudahnya melintang di atas bukit. Semua ini adalah pengalaman sendiri.

Kenderaan untuk pengangkutan pada masa itu tidak sebanyak mana. Orang-orang persendirian yang memiliki kenderaan atau kereta tidak seramai mana. Sistem pelesen pun dapat dikatakan hanya sekadarnya sahaja. Cuma untuk mendapatkan lesen memandu mestilah melalui 'test' yang tidak senang juga. Ujian yang paling susah ketika mendaki bukit. Bukit Subuk di Jalan Kota Batu adalah tempat percubaan. Di tengah-tengah bukit dikehendaki berhenti, tarik hand-break, matikan enjin lalu si tukang test turun dari kereta dan meninggalkan kita seorang diri dalam kereta. Dari luar si tukang test memberi perintah. Hidupkan enjin semula dan disuruh mendaki bukit dan berhenti di puncaknya sehingga si tukang test datang semula dan memberi arahan yang baru. Mulanya kita tidak tahu apa maksudnya. Rupanya, si tukang test meletakkan sebiji kotak pendidik dengan jarak beberapa inci dari belakang roda. Apabila kereta yang kita pandu mula bergerak, roda tidak boleh terundur dan terkena kotak pendidik itu tadi. Bila terkena apa lagi tergilis, tandanya belum layak memandu. Satu lagi test yang agak istimewa ialah memandu di sekitar pekan, meletak kereta dan jalan lagi. Kita dibawa ke pasar, cari tempat meletak kereta, letak elok-elok lalu kita disuruh menunggu sebentar. Tukang test datang semula, jalan lagi, masuk kampung, berhenti di depan sebuah rumah, dikehendaki berhenti lagi dan tukang test keluar. Tukang test masuk lagi dan meminta kita terus berjalan menuju pejabat. Itulah antara ujian memandu yang kita alami dalam tahun 1959.

Sebelum tahun Perlembagaan itu, bas-bus untuk penumpang awam hanya ada beberapa buah sahaja. Antaranya yang terkenal ialah Mail Bus, Bas BTS dan bas-bas kepunyaan syarikat orang Melayu yang dikenali dengan Bas PPKM. Waktu itu, orang Melayu sudah terkenal di bidang usaha niaga, sudah ada yang memiliki beberapa pintu kedai, yang terbeser memiliki bangku-bangku pasar basah, yang terkemuka dalam pemborong bangunan, menguasai pertanian, peladang dan perikanan dan lain-lain usaha niaga lagi, kecuali pembekalan barangan dan kemudahan, pajak gadai dan penjualan minuman-minuman keras dan perladangan-perladangan yang besar terutamanya getah. Mungkin orang Melayu tidak gemilang, tetapi mereka adalah pemilik tanah yang terbeser yang akhirnya beransur-ansur susut, namun masih ada peluang untuk menjamin masa depan orang Melayu.

Senyum Budiman





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Puan Mano Hirubalan. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong.

Berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Viet Nam dan isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Viet Nam, Pengiran Datin Hajah Noriah binti Pengiran Haji Mohd. Said dan isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Puan Mano Hirubalan di Istana Nurul Iman pada 14 Februari lepas dan pada 20 Februari lalu di Istana Nurul Izzah, Jerudong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Viet Nam, Pengiran Datin Hajah Noriah binti Pengiran Haji Mohd. Said. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman dan Istana Nurul Izzah, Jerudong.

Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 dipinda

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperketatkan lagi kawalan berhubung pengedaran dadah di negara ini sebagai salah satu langkah dalam Dasar Kebangsaan berhubung pembanterasannya penyalahgunaan dadah, baginda telah memperkenankan pindaan ke atas 'Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27' berhubung

pengedaran dadah jenis Methylamphetamine atau dikenali sebagai syabu.

Menurut siaran akhbar Biro Kawalan Narkotik, melalui pindaan tersebut di bawah 'Bab 3', memperdagangkan Methylamphetamine tanpa kebenaran jika banyaknya melebihi 50 gram akan membawa kepada hukuman mati, manakala memperdagangkannya antara tidak kurang dari 20 gram dan tidak lebih 50 gram akan membawa hukuman makisma 30 tahun penjara dan 15 kali

sebatan.

Pindaan juga telah dibuat ke atas 'Bab 3A' iaitu bagi kesalahan memiliki bagi maksud memperdagangkan dadah jenis Methylamphetamine lebih daripada 100 gram akan membawa hukuman mati, manakala memiliki bagi maksud memperdagangkan tidak kurang dari 40 gram dan tidak lebih daripada 100 gram akan membawa hukuman makisma 30 tahun penjara dan 15 kali sebatan.

Pindaan seterusnya ialah 'Bab 5' iaitu berkaitan mengimport atau mengeksport Methylamphetamine lebih daripada 50 gram akan membawa hukuman mati, manakala mengimport atau mengeksport tidak kurang dari 20

gram dan tidak lebih dari 50 gram akan membawa hukuman makisma 30 tahun dan 15 kali sebatan.

Pindaan-pindaan tersebut berkuatkuasa mulai tarikh 2 Februari, 2002.

Dalam hubungan tersebut, Biro Kawalan Nar-

kotik ingin menekankan lagi kepada orang ramai mengenai risiko penyalahgunaan dadah dan ancamannya terhadap keamanan dan kesejahteraan negara. Biro Kawalan Narkotik menyeru orang ramai supaya bekerjasama dengan

pihak kerajaan dalam sama-sama membanteras gejala itu dengan memberikan atau menyampaikan maklumat-maklumat mengenai sebarang kegiatan penyalahgunaan dadah kepada Biro Kawalan Narkotik.

Hadiri Mesyuarat J'kuasa Kerja Bersama Pertahanan

BERAKAS. - Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Abdul Kani telah menghadiri Mesyuarat Ketujuh Jawatankuasa Kerja Bersama Pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia di Kuala Lumpur.

Perkara-perkara berkaitan mengenai kerjasama di bidang pertahanan kedua-dua negara dijangka akan dibincangkan termasuk latihan tentera bersama, kursus-

kursus di bidang ketenteraan dan kerjasama logistik.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman Kerjasama Di Bidang Pertahanan pada 14 Januari, 1992 dan siri mesyuarat kali ini adalah rangka kerja berikutan penandatanganan Memorandum Persefahaman tersebut.

| Bil. | Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 | Hukuman Yang Lama | Pindaan Yang Telah Dituluskan |
|------|--|---|---|
| 1. | Kesalahan mengedar dadah Methylamphetamine (S.3 (a) MDA) | 50 gram - 200 gram - min 20 tahun/15 sebatan - max 30 tahun/15 sebatan Lebih dari 200 gram - Mati | 20 - gram - 50 gram - min 20 tahun/15 sebatan - max 30 tahun/15 sebatan Lebih dari 50 gram - Mati |
| 2. | Kesalahan memiliki bagi tujuan mengedar Methylamphetamine (S.3A MDA) | 90 - 250 gram - min 20 tahun/15 sebatan - max 30 tahun/15 sebatan Lebih dari 250 gram - Mati | 40 gram - 100 gram - min 20 tahun/15 sebatan - max 30 tahun/15 sebatan Lebih dari 100 gram - Mati |
| 3. | Kesalahan membawa masuk/keluar Methylamphetamine (S.5 MDA) * MDA - Misuse of Drugs ACT Cap 27 | 50 gram - 20 gram - min 20 tahun/15 sebatan - max 30 tahun/15 sebatan Lebih dari 200 gram - Mati | 20 gram - 50 gram - min 20 tahun/15 sebatan - max 30 tahun/15 sebatan Lebih dari 50 gram - Mati |



PENUH WARNA-WARNI ... Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien diselubungi warna-warni semasa persembahan padang diadakan (atas).

MENARIK... Persembahan Kawad Tepat oleh Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei menarik minat penonton menyaksikannya (bawah).



Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan

MENYAKSIKAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat menyaksikan Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan.



MENGHIBURKAN ... Acara terjun payung yang dikendalikan oleh 15 orang anggota Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei membuka tirai persembahan padang (atas kanan).



BERJALAN LALU ... Sebahagian daripada pasukan yang menyertai acara berjalan lalu (atas sekali, atas, kiri dan kanan).



Gambar-gambar dirakamkan Oleh jurugambar Jabatan Penerangan

Menerima mengadap dua Pesuruhjaya Tinggi baru

BANDAR SERI BEGAWAN. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Hirubalan V. P., Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura dan Tuan Yang Terutama Tuan Andrew John Forbes Caie, Pesuruhjaya Tinggi British yang baru ke Negara Brunei Darussalam.

Perjumpaan tersebut berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Semasa perjumpaan itu, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan kedua-dua Pesuruhjaya Tinggi tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Tuan Yang Terutama Tuan Hirubalan V. P. dan Tuan Yang Terutama Tuan Andrew John Forbes Caie menyembahkan watiwah perlantikan mereka ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada awal bulan ini di Istana Nurul Iman.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menerima kunjungan Puan Yang Terutama Dr. Vesna Cvjetkovic-Kurelec, Naib Menteri Hal Ehwal Luar Republik Croatia (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Andrew John Forbes Caie, Pesuruhjaya Tinggi British (kanan) dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Hirubalan V. P. (kiri). - Gambar oleh Halim HS.



Menerima kunjungan Menteri Luar Croatia

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menerima kunjungan Puan Yang Terutama Dr. Vesna Cvjetkovic-Kurelec, Naib Menteri Hal Ehwal Luar Republik Croatia. Majlis berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Di majlis ini, Yang Teramat Mulia mengalu-alukan Puan Yang Terutama dan

mengadakan perbincangan mengenai usaha-usaha meningkatkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Croatia.

Puan Yang Terutama Dr. Vesna Cvjetkovic-Kurelec berada di negara ini menyertai rombongan Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic, Presiden Republik Croatia yang membuat lawatan kerja sehari ke Negara Brunei Darussalam.

Kerjasama pelancongan Brunei - Croatia

BERAKAS. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman telah menerima kunjungan muhibah Menteri Pelancongan Republik Croatia, Puan Pave Zupan-Ruskovic pada 21 Februari lalu.

Perjumpaan tersebut berlangsung di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bertujuan untuk menjalin hubungan kerjasama di bidang pelancongan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Croatia.

Selain dari itu, kedua-dua menteri berkenaan telah membincangkan beberapa isu seperti bertukar-tukar pandangan mengenai industri pelancongan dan

Oleh **Abu Bakar HAR**

suasana ekonomi global serta perkembangan terkini kedua-dua negara.

Di samping itu mereka juga membincangkan mengenai peluang-peluang pelaburan dalam bidang

perhotelan serta mengadakan 'familiarization' dan membuat liputan media masa mengenai pelancongan kedua-dua buah negara.

Turut hadir di perjumpaan itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Awang Haji Idris bin Haji Belaman.



PRESIDEN Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic ketika berada di negara ini berkesempatan membuat lawatan ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja. - Gambar oleh Abdullah HAD.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika menerima kunjungan muhibah Menteri Pelancongan Republik Croatia, Puan Pave Zupan-Ruskovic. - Gambar oleh Mohd. Zul-tzzi.

Presiden Croatia lawat Muzium

Oleh **Abdullah Asgar**

BANDAR SERI BEGAWAN. - Presiden Republik Croatia, Tuan Yang Terutama Tuan Stjepan Mesic dan isteri, Puan Milka Mesic yang dalam rangka lawatan sehari ke negara ini telah membuat lawatan ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja pada 21 Februari lalu.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim dan Pemangku Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Awang Bantong Antaran.

Bangunan Alat Kebesaran Diraja merupakan sebuah tempat yang menjadi tumpuan ribuan pelancong baik dari dalam dan luar negara kerana di dalamnya dipamerkan alat-alat kebesaran diraja yang telah digunakan sejak sekian lama antaranya termasuk replika Mahkota Sultan-sultan Brunei.

Di bangunan ini juga banyak dipamerkan alat-alat kebesaran diraja yang digunakan ketika sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada tahun 1992.

Sebelum itu, Tuan Yang Terutama dan isteri telah melawat ke Muzium Brunei di Jalan Kota Batu di mana beliau dan isteri tertarik dengan barangan pameran kapal pecah dari Republik Rakyat China yang ditemui pada tahun 1997.

Tuan Yang Terutama dan isteri juga tertarik dengan bahan-bahan sejarah Islam dan sejarah penemuan telaga minyak pertama di negara ini pada tahun 1929.

Presiden Croatia dan isteri serta rombongan berada di negara ini dalam rangka lawatan kerja dalam perjalanan melawat rantau Asia.

Tuan Yang Terutama dan isteri merupakan Presiden Republik Croatia yang pertama melawat negara ini sejak kedua-dua buah negara menjalin hubungan diplomatik.

Brunei - M'sia berusaha tarik pelancong

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS. - Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan terus berusaha menarik pelancong di antara kedua negara dengan mengadakan beberapa tarikan promosi pelancong yang berbeza.

Antaranya dengan menghidupkan semula pakej melancong ke Borneo yang gagal dijayakan tahun lalu dan kini dikenali 'Pengembaraan Ke Timur' seperti ke Sarawak, Sabah, Negara Brunei Darussalam dan Labuan di mana pelancong-pelancong di antara negeri-negeri dan negara serta pulau itu dan pelancong luar akan terus melancong.

Perkara itu merupakan antara perbincangan utama yang dibuat semasa Pemangku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima kun-

jungan muhibah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Yang Berhormat Dato Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir pada 28 Februari lalu di Bangunan KPSSU.

Kedua-dua menteri membincangkan beberapa isu prosedur imigresen yang perlu dikemaskini bagi menjamin kelancaran keluar masuk pelancong di antara kedua-dua negara yang berjiran.

Mereka juga membincangkan hal-hal mempromosikan lebih banyak tempat-tempat pelancongan di antara kedua negara di mana Sarawak akan terus menarik lebih ramai pelancong Negara Brunei Darussalam untuk mengunjungi Gua Mulu. Manakala Sabah pula boleh menawarkan keindahan Taman Gunung Kinabalu.

Sementara itu Negara Brunei Darussalam pula akan terus menarik pelancong Sarawak,

Sabah dan Labuan melalui Taman Permainan Jerudong dan Taman Negara di Temburong.

Di samping itu mereka juga membincangkan perlunya meningkatkan kerjasama bagi Pakej Pelancongan Borneo seperti yang telah dipersejutui bersama pada tahun 1997 untuk menarik lebih ramai pelancong ASEAN, Eropah dan Barat melancong melalui pakej tersebut di mana sasaran baru ialah pelancong dari China.

Di akhir kunjungan itu kedua menteri juga bertukar-tukar fikiran mengenai strategi-strategi pelancongan yang berkaitan dengan negara-negara ASEAN yang berjiran umpamanya Malaysia-Singapura, Brunei-Malaysia, Brunei-Indonesia dan Malaysia-Thailand.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia berada di negara ini bagi lawatan selama dua hari.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyaksikan sebuah buku yang dijual dan dipamerkan oleh sebuah syarikat yang menyertai Pesta Buku Brunei 2002 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Halim HS.



PEMANGKU Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima kunjungan muhibah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Yang Berhormat Dato Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir. Kunjungan berlangsung di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. - Gambar oleh Ramli Tengah.

ASMDB derma darah

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pasukan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) terus mencurah bakti dengan mendermakan darah kepada Tabung Darah Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bagi kegunaan kecemasan dan rawatan.

Kempen tersebut di samping sebagai projek tahunan ASMDB juga merupakan sumbangan yang besar bagi rumah

sakit berkenaan yang memerlukan pelbagai jenis darah setiap hari bagi menyelamatkan nyawa pesakit.

Seramai 60 orang anggota ASMDB dari pelbagai pangkat yang diketuai oleh Komandannya, Leftenan Kolonel Haji Md. Said mendermakan darah mereka pada 14 Februari lalu di rumah sakit berke-

naan.

Menurut Jurucakap Unit Tabung Darah Rumah Sakit RIPAS, mereka terus mengalukan orang ramai di negara ini mendermakan darah untuk mengisi tabung berkenaan.

Katanya, sesiapa yang ingin mendermakan darah boleh menghubungi talian unit berkenaan atau terus datang ke tingkat satu Rumah Sakit RIPAS.



PARA anggota Pasukan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) ketika mendermakan darah kepada Tabung Darah Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. - Gambar oleh Haji Maamalah HMA.

Pesta Buku Brunei 2002: Sambutan pelbagai pihak menggalakkan

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS. - Pesta Buku Brunei 2002 yang dilancarkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz pada 22 Februari lalu telah mendapat sambutan hangat dari syarikat, toko-toko buku, pencetak, penerbit dan pembekal buku dari dalam dan luar negara.

Pesta yang disempenakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 tahun ini diawalkan sehari memandangkan pertembungan dengan Hari Raya Aidiladha. Pesta itu telah diadakan selama 10 hari di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah.

Turut dilancarkan ialah beberapa buah buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, di samping penyampaian cenderahati kepada penulis dan penyusun buku-buku

berkenaan.

Tahun ini lebih 40 buah syarikat termasuk beberapa buah jabatan kerajaan menyertai pesta berkenaan dengan tempahan lebih 70 buah petak jualan.

Pelbagai acara sampingan turut diadakan semasa pesta itu termasuk Peraduan Melukis dan Mewarna, Peraduan Tulisan Jawi dan Membaca Puisi dan Syair.

Pesta tersebut diharap dapat mengetengahkan beraneka jenis bahan terbitan bagi keperluan semua lapisan pembaca.

| TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) UNIT PERKHIDMATAN HAL EHWAL MASYARAKAT, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN (BAHAGIAN II) | | |
|---|---|--|
| Bil. | PERKHIDMATAN | TPOR |
| 1. | Pendaftaran Anak Angkat a) Permohonan untuk mengambil anak angkat b) Sijil Pendaftaran Anak Angkat dikeluarkan | 1 bulan (bagi permohonan yang lengkap/tiada masalah) 1 - 6 bulan (bagi yang tidak lengkap/bermasalah) Selepas 2 tahun mendapat kebenaran |
| 2. | Perkhidmatan Orang-orang Cacat a) Pengambilan anak-anak cacat ke Pusat Bahagia (lingkungan 0-19 tahun) b) Penempatan ke Pusat Pekerjaan Orang-orang Cacat (lingkungan umur 19 tahun ke atas dan sokongan daripada Pusat Bahagia) * Dalam Percubaan | 2 kali setahun (Januari dan Jun) 3 bulan sehingga BOLEH (Jika BOLEH, mereka layak menerima elaun \$30.00 sebulan) |
| 3. | Perkhidmatan Penempatan Pekerjaan a) Berumur 65 tahun ke atas yang ingin menyambung perkhidmatan b) Bagi mereka yang berumur 66 tahun iaitu permohonan kali kedua (2) hendaklah menghadapkan permohonannya sebelum tamat perkhidmatan c) Bekas banduan d) Orang susah, balu, janda, cacat, belia yang terkandas dalam pelajaran. | 3 minggu - 1 bulan 3 minggu - 1 bulan 1 bulan |
| 4. | Perkhidmatan Pemulihan Akhlak/Perlindungan Perempuan/Gadis/Kanak-kanak a) Penempatan bagi Pesalah Belia (atas perintah mahkamah) b) Perlindungan Perempuan/Gadis/Kanak-kanak (atas perintah mahkamah/secara sukarela) | 1 - 5 tahun 1 - 5 tahun/kurang daripada 1 tahun } Tertakluk kepada perintah mahkamah. kenderaan |



MEMERIKSA PERBARISAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.



BERANGKAT SAMA ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan berangkat menyaksikan perhimpunann tersebut.

Sambutan Hari Kebangs 10 ribu jaya perhimpuna

PERHIMPUNAN Agung Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 telah diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara, Bandar Seri Begawan pada hari Isnin, 25 Februari lalu. Berlangsung penuh warna-warni dan gilang-gemilang, perhimpunan raksasa itu dijayakan oleh lebih 10 ribu peserta. Persembahan padang dan acara berjalannya itu berjalan selama hampir tiga jam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda berkenan berangkat bercemar duli menyaksikan perhimpunan itu.

Tema Hari Kebangsaan tahun ini ialah 'MEMPERKASA KEUPAYAAN BANGSA'.



MURID-MURID sekolah berbaris sambil mengibarkan bendera kebangsaan (atas kiri).

BERJALAN LALU ... Sebahagian daripada peserta yang menyertai acara berjalan lalu (atas dan kiri)



n Ke-18 kan n



TABIK HORMAT ... Baginda semasa berkenan menerima tabik hormat daripada kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei (kanan sekali).



SE-
MAJA ...
dan
akan
dengan
pemberi-
para
yang
akan
manan
sele-
ter-
tabik



SEMBI-
ginda
mabit-
diraja
yang
nyak-
mahan
(atas).



MENYERIKAN ... Persembahan koir menyemarakkan lagi suasana Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan (atas).

MENYERONOKKAN ... Persembahan dari Sekolah PDS dan Jerudong International School (JIS) turut memukau penonton yang menyaksikannya (kiri).

IKRAR ... Pembacaan ikrar akan diadakan setiap kali Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan (atas).

PENUH WARNI-WARNI ... Ribuan peserta yang menjayakan persembahan padang (kiri).

GILANG-GEMILANG ... Sebahagian persembahan padang yang telah berjaya memukau penonton (bawah).



SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-18

Persembahan padang penuh warna-warni

Oleh Samle Haji Jait



BANDAR SERI BEGAWAN. - Persembahan padang penuh warna-warni di Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 Negara Brunei Darussalam berjaya memukau ribuan hadirin di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Seramai 15 anggota Skwad Terjun Payung Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei yang membawa Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Bendera Logo Hari Kebangsaan membuka tirai persembahan padang 25 Februari lalu.

Kapten Zulkifli bin Bujang kemudian mengetuai seramai 80 anggota Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei mempamerkan ketangkasan pasukan itu dalam persembahan Kawat Tepat.

Persembahan oleh gabungan 160 penuntut-penuntut Sekolah PDS dan Jerudong International School (JIS) terus menyemarakkan kemeriahan persembahan apabila mereka berjaya membentuk simbolik yang antara lain bermaksud sebagai komitmen anak watan dalam sama-sama memperkasa keupayaan bangsa yang diterap dari peringkat awal lagi.

Gabungan Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Pancaragam Jabatan Bomba juga tampil dengan mempamerkan formasi yang menjurus kepada tema Hari Kebangsaan sehingga berjaya menghiburkan hadirin.

Kemudian persembahan 'radat hadrah' yang dibentuk oleh 650 penuntut-penuntut dari Sekolah Menengah SMJA, SM Sharif Ali, SM Pehin Datu Seri Maharaja, SM Berakas dan SM Pengiran Isteri Hajah Mariam menyaksikan keunikannya tarian tradisional negara yang tidak luput ditelan zaman.

Sementara itu, 800 penuntut gabungan dari Maktab SOAS, Sekolah Menengah Chung Hwa, SM Mengelait, STPRI, SM Perdana Wazir, SM Sultan Hassan, SM Sufri Bolkihah dan SM Muda Hashim tampil bersemangat mencorak



formasi erobatik yang membawa mesej sikap kerjasama rakyat dan penduduk.

Manakala 500 belia-belia seluruh negara mempamerkan persembahan yang cukup bersemangat sebagai golongan pemangkin falsafah negara, di samping membentuk pelbagai for-

masi yang menggambarkan belia-belia yang hidup sihat, ceria, bersopan santun serta berilmu.

Persembahan menarik dari belia-belia tonggak masa depan negara itu juga menutup tirai persembahan yang penuh simbolik yang menjurus kepada tema sambutan 'Memperkasa

Keupayaan Bangsa'.

Di kala persembahan padang diakhiri, Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin yang dihiasi indah terus bersemarak dengan lagu-lagu patriotik oleh gabungan koir penuntut sekolah dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PERSEMBAHAN padang yang melibatkan pelbagai golongan berlangsung penuh warna-warni. Gambar-gambar yang dimuatkan di muka ini memperlihatkan persembahan yang berjaya memukau penonton.



Gambar-gambar dirakamkan oleh jurugambar Jabatan Penerangan



SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-18

Pertingkatkan sumbangan, peranan masing-masing



KIRA-KIRA 10,000 orang terlibat dalam acara perbarisan dan Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin pada 25 Februari lepas (gambar atas dan bawah).



Oleh Awangku Jefferi PD

NEGARA Brunei Darussalam kini memasuki alaf baru atau gelombang ketiga dan berhadapan dengan pelbagai cabaran serta saingan dan juga tidak ketinggalan perubahan dimensi yang diwujudkan oleh proses globalisasi. Kemasukan nilai-nilai dan unsur-unsur budaya dan ideologi asing seperti konsumerisme, hedonisme dan materialisme memberi kesan kepada bangsa, agama dan negara.

Andainya cabaran-cabaran ini gagal ditangani dengan cara yang bijaksana sudah semestinya ianya akan mengakibatkan kemerosotan nilai moral, krisis dan keruntuhan ekonomi serta ketidakstabilan sosial dan politik.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Awal Tahun Baru Masihi 2002 pada 17 Syawal 1422H/01 Januari 2002, "Institusi kekeluargaan adalah lebih tepat untuk menjadi asas kepada pembinaan masyarakat kerana dari sinilah lahirnya individu-individu yang berpotensi, yang menjadi tulang belakang kepada negara dan bangsa. Apabila tulang belakang itu kuat maka akan kuat pulalah bangsa itu. Oleh itu sangatlah mustahak setiap keluarga memiliki tanggungjawab moral bagi sama-sama merancang untuk melahirkan generasi yang berakhlak serta berakidah sempurna. Hanya dengan ini kita akan mendapati jalan keluar, memperoleh apa-apa yang tidak mudah untuk diperolehi sekarang seperti ketenteraman pada jiwa, keamanan dan keharmonian yang sebenar-benarnya. Mengambil kira dengan cabaran-cabaran masa khasnya tahun baru yang sedang kita tempoh ini beta sangatlah berharap agar semua anggota perkhidmatan awam akan lebih inovatif dan produktif lagi dalam menjalankan tugas dan perkhidmatan mereka kepada masyarakat. Demikian juga mereka yang berkhidmat dengan sektor swasta sama-sama dituntut supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan telus dan cekap kerana mereka juga mempunyai peranan yang sama penting dalam menentukan pertumbuhan negara."

Sejajar dengan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 pada tahun ini dengan tema 'Memperkasakan Keupayaan Bangsa' merupakan cita-cita dan usaha bersungguh-sungguh negara untuk menjadikan bangsa Brunei memiliki sahsiah berjati diri dengan berunsurkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB), berdaya upaya maju yang tinggi, profesional, bersemangat, berdaya saing, berdedikasi, bersatu padu dan serba boleh bagi benar-benar mendaulatkan rahmat kemerdekaan yang dimiliki.

"Setiap rakyat dan individu yang bernaung di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam akan menggembleng tenaga dan bersatu padu ke arah mempertingkatkan sumbangan dan peranan masing-masing dalam menyediakan keupayaan bangsa menghadapi cabaran-cabaran masa kini, baik yang berbentuk ekonomi, budaya, pendidikan, ilmu pengetahuan, kemahiran dan teknologi dengan berteraskan dan berpandukan kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja," jelas Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah dalam memberikan pendapat beliau mengenai maksud tema Hari Kebangsaan Ke-18 pada tahun ini.

Sementara itu Dayang Hajah Mordiah binti Haji Zackia pula berpendapat, "Tema ini amatlah sesuai memandangkan dunia dewasa ini adalah dalam era globalisasi yang dilaung-laungkan sebagai dunia tidak bersempadan. Dalam menghargai era globalisasi ini akan terjadi sebuah negara yang mungkin lupukan bangsa dan budaya kerana konsep 'Citizen of The World' akan wujud kerana manusia dikira sama sahaja. Dengan hilangnya budaya dan identiti bangsa, sesebuah negara juga akan hilang identiti di mata dunia.

Beliau juga berpendapat tema ini akan membangkitkan perasaan warga Negara Brunei Darussalam untuk cintakan budaya, bangsa dan agama dengan bangkitnya cintakan negara, sudah pasti keupayaan bangsa akan



TEMA Hari Kebangsaan tahun ini amat sesuai dalam era globalisasi, jelas Dayang Hajah Mordiah binti Haji Zackia. - Gambar oleh Harun HR.



WARTAWAN akhbar Express, Nanju Francisco berpendapat tema Hari Kebangsaan tahun ini mempunyai maksud mendalam.

mula timbul. Untuk memperkasakan keupayaan bangsa, semua lapisan masyarakat hendaklah mengambil peranan yang penekanannya hendaklah bermula dari sistem pendidikan di rumah dan di sekolah. Sebab kedua-dua institusi ini adalah penting dalam membangkitkan perasaan tanggungjawab terhadap negara dan keluarga. Bangsa akan lemah jika kedua-dua institusi penting ini tidak mengambil berat mengenai peranan masing-masing. Pendidikan asas khususnya daripada keluarga sebagai titik tolak memperkasakan keupayaan bangsa.

"Memperkasakan keupayaan bangsa tidak harus dilihat atau tertumpu kepada aspek fizikal semata-mata tetapi lebih utama dititikberatkan khususnya dalam bidang pendidikan dan pembelajaran iaitu dari aspek spiritual dan mental, kerana keupayaan yang tulen, sejati dan mantap itu bermula pada rohani dan fikiran sihat, cerdas, tulus dan kudus yang melahirkan 'nawaitu' yang lurus. Di sinilah landasan muhasabah untuk menanamkan rasa amanah, prihatin, dedikasi, sensitif, iltizam, bertanggungjawab, berkewajipan dan pelbagai kecenderungan yang positif ke arah menjana semangat bangsa yang inovatif, progresif, proaktif dan berdaya saing. Dengan kata-kata lain, untuk memperkasakan keupayaan bangsa Brunei, perlu ada keseimbangan dan kesepaduan antara keperluan duniawi dan keperluan ukhrawi," jelas Cikgu Hajah Azrina binti Haji Yusof memberikan pendapat serta pandangan beliau mengenai tema Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Manakala, salah seorang wartawan akhbar Express, Nanju Francisco pula berpendapat tema pada tahun ini sememangnya mempunyai maksud yang mendalam di mana menurut beliau rakyat serta penduduk di negara ini haruslah sama-sama meningkatkan rasa cinta kepada negara melalui semangat yang kental, di samping tema ini juga membawa kesedaran kepada bangsa dan rakyat bahawa kemakmuran, kemajuan dan kesejahteraan bangsa dan negara memerlukan mekanisme dan perancangan yang tepat serta mantap, di samping sama-sama berganding bahu di dalam mempertingkatkan lagi ekonomi negara melalui tenaga rakyat yang sentiasa bersatu padu.

Walaupun pada hakikatnya bangsa kita sudah berupaya menani kedaulatan berbangsa dan bernegara tetapi dalam menghadapi kederasan arus perkembangan sejagat masa kini, keupayaan tersebut perlu diperkasa lagi untuk membolehkan negara dan bangsa terus maju dalam segenap bidang. Manakala pencapaian yang ada haruslah dipertingkatkan lagi sesuai dengan kehendak-kehendak zaman seterusnya kita juga hendaklah dan perlu melakar wawasan yang menjurus kepada pembinaan bangsa yang kuat upaya dan usaha. Unsur penting menuju ke arah ini ialah sikap positif untuk ingin maju dan bersedia serta responsif menghadapi perubahan zaman yang semakin mencabar. Selain itu, juga perlu menggembleng tenaga, mengukuhkan azam dan perpaduan serta meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam semua bidang untuk sama-sama menyumbang ke arah kemajuan bangsa tanpa mengabaikan tanggungjawab dan kesedaran terhadap agama untuk memperkasakan bangsa.

MAJLIS WANITA ANJUR MAJLIS RAMAH MESRA AIDILADHA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli Lembaga Tadbir Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kanan). Sementara gambar kiri, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan mendengarkan ceramah khas oleh pensyarah undangan dari Malaysia.

Oleh Siti Muslihat HS
Gambar-gambar oleh Halim HS dan
Haji Masmaleh HMA

BERAKAS. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat menghadiri Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidiladha anjuran Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh Yang Dipertua Majlis Wanita, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali serta ahli-ahli Lembaga Tadbir majlis berkenaan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Acara kemuncak majlis yang berlangsung pada 25 Februari lepas ialah ceramah khas oleh pensyarah undangan dari Malaysia, Datuk Dr. Haji Mohd. Fadzilah bin Kamsah.

Ceramah berkisar mengenai kepentingan wanita ke arah mengukuhkan institusi keluarga yang antaranya menggariskan senario komunikasi rumah tangga dan kelebihan wanita dari kaca mata Islam.

PENSYARAH undangan dari Malaysia, Datuk Dr. Haji Mohd. Fadzilah bin Kamsah ketika memberikan ceramah di Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidiladha anjuran Majlis Wanita.

Adalah diharapkan ceramah kesedaran berkeluarga seumpama itu akan lebih memantapkan peranan wanita dalam membina keluarga bahagia, harmoni dan beriman dalam sama-sama menaani tanggungjawab ke arah melahirkan masyarakat yang beriman.

Majlis diserikan dengan Persembahan Dikir dari Persatuan BAKANITA, sementara doa selamat di akhir majlis dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, Ketua Hakim Syarie yang juga memulakan bacaan Surah Al-Faatihah di awal majlis.

Majlis sempena merayakan Hari Raya Aidiladha bagi ahli-ahli persatuan wanita di negara ini merupakan julung kali dianjurkan oleh Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Majlis sempena merayakan Hari Raya Aidiladha bagi ahli-ahli persatuan wanita di negara ini merupakan julung kali dianjurkan oleh Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berangkat balik setelah berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidiladha (atas). Sementara gambar kiri, ratusan para wanita dari pelbagai peringkat yang terdiri dari ahli-ahli persatuan-persatuan wanita yang bergabung dengan Majlis Wanita menghadiri majlis itu.

PERSEMBAHAN Dikir dari Persatuan BAKANITA menyerikan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidiladha (bawah kanan). Sementara gambar bawah kiri, sebahagian lagi para wanita yang hadir di majlis itu.



SAMBUTAN HARI PUJA USIA ANJURAN PERSATUAN WANITA BRUNEI SHELL

SERIA. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Maryam telah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia DYTM yang dianjurkan oleh Persatuan Wanita Brunei Shell dengan kerjasama Brunei Shell Petroleum (BSP), Brunei LNG (BLNG), Brunei Shell Marketing (BSM) dan Brunei Shell Tankers (BST) bertempat di Kelab Ria Brunei Shell (BSRC) pada 17 Februari lalu.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadriah Lubabul Bulqiah, Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Keberangkatan tiba DYT dan ahli-ahli kerabat diraja di Padang Pendaratan Pesawat Ibu Pejabat BSP dijunjung oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun dan isteri, Dayang Siti Aisah binti Abdullah. Pengarah Urusan BSP, Awang Chris Finlayson; Yang Dipertua Persatuan Wanita Brunei Shell, Datin Hajah Maimuna dan Penasihat Hal-Ehwal Luar BSP, Pengiran Haji Hassan.

Sejurus tiba di Kelab Ria Brunei Shell, DYT dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung oleh Timbalan Pengarah Urusan BSP, Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny dan Setiausaha Agung persatuan berkenaan, Dayang Masni binti Haji Munir.

Sebelum berangkat ke dewan utama tempat majlis dilangsungkan, DYT dan ahli-ahli kerabat diraja berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli jawatankuasa tertinggi dan isteri-isteri para pengarah, pengurus kanan BSP, BLNG, BSM dan BST serta isteri Pegawai Daerah Belait.

Acara dimulakan dengan nyanyian lagu ke-



DULI Yang Teramat Mulia gembira menyaksikan pelbagai persembahan dari pihak penganjur (atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan isteri-isteri para pengarah, pengurus kanan serta isteri Pegawai Daerah Belait.

bangsaan oleh anak-anak para pegawai dan kakitangan Syarikat BSP, BLNG, BSM dan BST serta penyanyi undangan daripada negara jiran Malaysia.

Sebelum dijunjung melawat pameran yang memaparkan sebahagian daripada projek kemasyarakatan serta operasi syarikat-syarikat BSP dan BSM, kesenian dan budaya penduduk Daerah Belait serta kemahiran wanita Brunei Shell dari segi kraf tangan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada mereka yang hadir terdiri daripada isteri-isteri para pengarah dan pengurus, pekerja-pekerja wanita dan isteri-isteri pekerja BSP, BLNG, BSM, BST termasuk mereka yang telah bersara dan isteri-isteri pegawai kanan kerajaan serta isteri Pegawai Daerah

Belait.

Manakala di ruang lain pameran tersebut memaparkan koleksi gambar-gambar Duli Yang Teramat Mulia semasa majlis sambutan sempena hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia yang diadakan tahun lalu oleh persatuan berke-

Oleh Dk. Hjh. Saldah PHOA
Gambar-gambar
oleh Pengiran
Rafee PDPHM
dan Hamadi HM



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Maryam berkenan memotong kek yang disembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia oleh Persatuan Wanita Brunei Shell dengan kerjasama Brunei Shell Petroleum, Brunei LNG, Brunei Shell Marketing dan Brunei Shell Tankers.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Maryam berkenan mengurniakan sumbangan cek dari Persatuan Wanita Brunei Shell kepada wakil Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (atas).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan dan seterusnya menerima penerangan ringkas mengenai pameran yang memaparkan sebahagian dari operasi syarikat-syarikat Brunei Shell Petroleum dan Brunei Shell Marketing (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Maryam berkenan menabur pewarna iaitu salah satu kebudayaan tradisi masyarakat India yang dipamerkan sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia.

MESYUARAT TIDAK RASMI RETREAT MENTERI- MENTERI LUAR ASEAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama rakan-rakan sejawat dalam ASEAN sejeurus sebelum memulakan Mesyuarat Tidak Rasmi Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN di Phuket, Thailand.



DULI Yang Teramat Mulia ketika mempengerusikan Mesyuarat Tidak Rasmi Retret Menteri-menteri Luar ASEAN di Living Sala Vila 17, Amanpuri Resort, Phuket.

Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah



DULI Yang Teramat Mulia berbual mesra bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand ketika berangkat menghadiri Majlis Makan Malam di Living Sala Vila 17, Amanpuri Resort.



DULI Yang Teramat Mulia dan rakan-rakan sejawat dalam ASEAN ketika berkenan menghadiri Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Tuan Thaksin Shinawarta, Perdana Menteri Thailand.



TUAN Yang Terutama Perdana Menteri Thailand berbual mesra bersama isteri-isteri para Menteri Luar ASEAN sejeurus sebelum Majlis Makan Malam bermula.

Menangani isu penyeludupan manusia

BALI - Persidangan Menteri-menteri Serantau Mengenai Penyeludupan Manusia, Perdagangan Manusia dan Jenayah Transnasional yang berkaitan mengeluarkan kenyataan yang antara lain menggariskan komitmen padu menteri-menteri untuk meningkatkan langkah-langkah kerjasama yang praktikal dalam membanteras penyeludupan manusia, perdagangan manusia dan lain-lain bentuk penghijrahan yang menyalahi undang-undang.

Berangkat menghadiri persidangan yang berlangsung dari 27 hingga 28 Februari itu ialah

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large, di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan diiringi Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Sidang selama dua hari itu dirasmikan oleh Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Presiden Megawati Soekarnoputri dan dihadiri oleh lebih 36 buah negara dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan.

Persidangan tersebut telah dipengerusikan

bersama Menteri Luar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Tuan Hassan Wirajuda dan Menteri Luar Australia, Tuan Yang Terutama Tuan Alexander Downer.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di sidang itu, Yang Teramat Mulia menyatakan supaya diadakan kerjasama rapat antara kerajaan dan mewujudkan hubungan serantau dan antarabangsa dalam menangani isu penyeludupan dan perdagangan manusia.

Semasa sidang retreat pula, Yang Teramat Mulia bersama para menteri telah mengadakan

perbincangan mengenai cara mengatasi isu-isu berkenaan dan langkah kerjasama antara agensi-agensinya serantau dan antarabangsa.

Selain berangkat menyertai sidang tersebut, Yang Teramat Mulia juga telah mengadakan perbincangan dua hala secara berasingan dengan Menteri Kanan Bagi Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Peralihan Pentadbiran Bangsa-Bangsa Bersatu di Timur-Timor (UNTAET), Tuan Yang Terutama Tuan Jose Ramos Horta dan Menteri Hal Ehwal Luar Kepulauan Solomon, Tuan Yang Terutama Tuan Alex Bartlett.

ARENA SUKAN



PERLAWANAN Siri Liga Perdana II antara Skuad Tebuan dan TNB Kelantan yang berlangsung 25 Februari lepas tidak menghampakan para penyokong skuad negara setelah menewaskan TNB Kelantan dengan jaringan 2 - 1. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

BRUNEI TEWASKAN TNB KELANTAN 2 - 1

Oleh Abdullah Asgar

DPMM F.C. kecundang 6 - 1

KELAB bola sepak dari Korea Selatan, Hyundai Mipo Dockyard (HMD) terus mempamerkan keunggulan mereka dengan membenam DPMM FC 1 - 6 dalam perlawanan persahabatan pada petang 22 Februari lalu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kelab DPMM FC yang dianggap terbaik di negara ini dan mempunyai beberapa orang pemain import gagal menunjukkan taring mereka ketika menentang Kelab HMD kerana mempunyai penguasaan bola yang kemas dan sering melancarkan serangan berbisu hinggan berjaya menjaringkan gol pendahulu di minit ke-6 permainan melalui Kim Hyo Il.

Selang seminit kemudian, Park Hee Wan menjaringkan gol kedua disebabkan pertahanan yang lembap. Tidak cukup itu kesilapan pemain DPMM FC sekali lagi mengundang padah untuk Ko Bong Hyun menjaringkan gol ketiga.

Walaupun penjaga gol DPMM FC, Sallehin digantikan oleh Alizanda Sitom mereka juga masih tidak berupaya menandingi kelincihan Kelab HMD terutama Kim Hyoi Il kerana berjaya menjaringkan gol keempat melalui tandukannya, jaringan itu gol kedua peribadi beliau.

Gol sugu hati oleh pemain DPMM FC, Helme Panjang sedikit memberi keselesaan kepada mereka di separuh masa pertama tetapi dengan kesilapan yang sering dibuat dan kesalahfahaman di antara mereka menyebabkan mereka gagal dalam serangan dan permainan pun kurang sempurna.

Penonton mengharapkan DPMM FC mempamerkan permainan yang cantik ataupun sekurang-kurangnya seri dengan Kelab HMD, tetapi dakwaan mereka meleset kerana Kelab HMD berjaya menunjukkan belang mereka.

Di separuh masa kedua, Kelab HMD terus mengganas dengan dua jaringan lagi

Oleh Abdullah Asgar

melalui Kim Young Gi di minit ke-60 dan gol keenam hasil jaringan Nam Chang Hoon lima minit kemudian.

Setelah ketinggalan 1 - 6, DPMM FC terus cuba mengubah kedudukan dengan serangan yang termampu tetapi gagal kerana kekentalan pertahanan Kelab HMD di sebalik beberapa peluang keemasan untuk menambah gol.

Kedudukan tidak berubah sehingga pengadil meniupkan wisel penamat. DPMM FC 1 dan Kelab HMD 6.



PERLAWANAN Kesebelasan Bafa dan Kelab Hyundai Mipo Dockyard (HMD) yang berkesudahan Kesebelasan Bafa dibelash teruk 7 - 2. - Gambar oleh Hamadi HM.

HMD berpesta 7 - 2

Oleh Abdullah Asgar

KELAB Hyundai Mipo Dockyard (HMD) bukan tandingan Kesebelasan Bafa apabila mereka dibelash teruk 7 - 2 dalam perlawanan persahabatan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Di awal perlawanan itu, kelab nombor tiga Korea itu sudah mendahului empat kosong sehinggalah Radiman Abdul Rahman berjaya menjaringkan gol pertama Kesebelasan Bafa.

Tidak lama kemudian Md. Saiful Ambotang dengan diiringi oleh penyerang yang lain membuat 'one touch' yang cantik hingga berjaya menewaskan dinding pertahanan Kelab HMD untuk menjaringkan gol kedua.

Keputusan 4 - 2 hingga separuh masa pertama tamat tidak berubah tetapi apabila masa kedua bermula serangan Kesebelasan Bafa agak tumpul sehingga mudah dipatahkan oleh Kelab HMD walaupun mereka terlepas beberapa peluang keemasan bagi merapatkan jurang.

Malangnya pergerakan pantas dan umpanan yang tepat oleh pemain-pemain Kelab HMD membuatkan pertahanan Kesebelasan Bafa tidak mampu membendung pergerakan tersebut hinggan mereka berjaya menjaringkan tiga gol di separuh masa kedua

yang membuatkan jaringan hingga tamat perlawanan 7 - 2.

Kelab HMD berada di negara ini bagi mengadakan perlawanan bola sepak bersama Kesebelasan Bafa dan DPMM FC atas jemputan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (BAFA).

HMD merupakan sebuah kelab yang menduduki tempat ketiga di liga kebangsaan Korea tahun lalu dan juara liga musim gugur di Korea.

Perlawanan persahabatan itu juga merupakan hadiah kepada peminat-peminat bola sepak di negara ini khususnya mereka yang sering menyaksikan Sang Tebuan beraksi dalam Liga Perdana II dalam negara kerana masuk bagi perlawanan persahabatan tersebut adalah percuma.

Tapi sayangnya, tidak ramai peminat-peminat bola sepak yang hadir. Cuma dianggarkan lebih 500 orang hadir untuk menyaksikannya walaupun masuk adalah percuma.

Ini mungkin peminat sudah menyedari Kesebelasan Bafa tidak akan mampu mengalahkan Kelab Hyundai Mipo Dockyard.



PERSATUAN Kikik Kebangsaan Daerah Brunei dan Muara yang diketuai oleh Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad ketika menyertai Festival Layang-Layang Antarabangsa di Johor, Malaysia. - Gambar ihsan Persatuan Kikik Kebangsaan Daerah Brunei dan Muara.

Mewakili negara ke Festival Layang-Layang Antarabangsa

SERAMAI lima orang Ahli Persatuan Kikik Kebangsaan Daerah Brunei dan Muara telah menghadiri Festival Layang-Layang Antarabangsa Ke-7 di Pasir Gudang, Johor, Malaysia yang berlangsung selama lapan hari bermula 4 hingga 12 Februari lalu.

Rombongan negara diketuai oleh Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad dan empat peserta Jawatankuasa Pekikik iaitu Awang Haji Abdul Samad bin Haji Abdul Rahman, Setiausaha/Pelayang; Awang Haji Mearaj bin Haji Suhaili - Pelayang; Awang Haji Ibrahim bin Haji Timbang - Pelayang dan Awang Haji Md. Said bin Haji Duraman - Pelayang/Teknikal.

Festival itu telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 9 Februari, 2002. Selain tuan rumah Malaysia, ia turut dihadiri perwakilan dari beberapa

SETELAH dikecewakan 0 - 3 oleh JKR Kedah di gelanggang luar, Skuad Tebuan bangkit dengan menewaskan TNB Kelantan 2 - 1 di sebalik kehadiran penonton yang merosot di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, 25 Februari lepas.

Perlawanan Siri Liga Perdana II pada 25 Februari itu tidak menghampakan penonton-penonton kerana Irwan Mohamad selaku ketua pasukan bertindak cemerlang dengan pergerakan yang cantik menewaskan dua pemain pertahanan TNB Kelantan dan menjaringkan gol pertama di minit ke-22.

Skuad Tebuan sebelum itu lebih banyak mempunyai peluang gol namun tidak menepati sasaran kerana sering terkena pada penjaga gol TNB Kelantan, Wan Kamarulzaman Mohd. yang banyak menyelamatkan percubaan-percubaan berbahaya dari Patron Akakpo, Riwardi, Awangku Sallehuddin dan Awangku Md. Shahrom.

Walaupun di separuh masa pertama Sang Tebuan lebih banyak mengawal perlawanan tetapi pemain sering terlepas peluang, namun serangan mengejut TNB Kelantan sekali-sekala membahayakan kedudukan Sang Tebuan namun nasib tidak menyebelahi mereka.

Pada minit ke-31, hantaran Awangku Mohd. Shahrom yang menghantar bola ke tengah dari tepi terkena salah seorang pemain pertahanan TNB Kelantan menyebabkan pantulan terus ke pintu gawang yang membuat Wan Kamarulzaman tergamam.

Jaringan kedua itu terus menaikkan semangat Skuad Tebuan untuk terus mengganas dengan banyak serangan berbahaya dan percubaan yang sering tersasar hanya beberapa kaki dari tiang gol seperti pada minit ke-43 dan 44 yang dibuat oleh penyerang import Patron Akakpo.

Bermula babak kedua, Patron terus menggunakan kelincihan menggelicik bola di mana sekali lagi percubaan tersasar sedikit, dua minit kemudian pemain TNB Kelantan, Nor Azwan diberikan kad kuning kerana mengasari Riwardi.

Pada minit ke-49, Marcus dengan pergerakan yang cantik berjaya melirukan pemain lawan dan terus mencuba, namun ia juga tersasar, begitu juga dengan Patron di minit ke-53 tandukan ke bawah terkena penjaga gol TNB Kelantan.

Seminit kemudian, sekali lagi Skuad Tebuan terlepas peluang, dua minit selepas itu Awangku Sallehuddin juga terlepas memanfaatkan gol kerana tidak berhati-hati. Seminit perlawanan berjalan Irwan dilayangkan kad kuning kerana mengasari pemain TNB Kelantan.

Sekali lagi Riwardi dikasari yang menyebabkan Azman Ismail dilayangkan kad kuning dan TNB Kelantan membuat pertukaran di minit ke-62 memasukkan Asrul Amri bagi mengubah anggota serangan.

Diikuti pertukaran kedua mengeluarkan Zahsmi Ismail ternyata berjaya dengan serangan mereka merbahaya melalui gerakan lincah dan serangan dari tepi yang menyukarkan pertahanan Skuad Tebuan mengawal permainan.

Ini kerana di minit ke-72 keadaan depan pintu gol Skuad Tebuan begitu cemas dengan tendangan kencang penyerang TNB Kelantan namun Wardun tetap peka menutup pintu gawangnya.

Tapi malang perlawanan hanya beraki satu minit masa sebenar pintunya ditembusi penyerang gantian TNB Kelantan, Harizul Izzan dengan tendangan kencang. Dari saat itu Skuad Tebuan terus bertahan dengan tambahan masa dua minit sehingga pengadil dari Selangor, Awaludin Hassan meniupkan wisel penamat.

Dengan kemenangan itu, Skuad Tebuan setakat ini berjaya mengutip 10 mata melalui tiga kali menang dan sekali seri.

negara termasuk Australia, Perancis, Jepun, Jerman, Republik Rakyat China, Austria, Amerika Syarikat, England, New Zealand, Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia. Sempena festival itu sebuah muzium Layang-Layang dibuka rasmi oleh KDYMM Sultan Johor dan merupakan Muzium Layang-Layang yang pertama di ASEAN kemungkinan di dunia yang memaparkan pelbagai jenis layang-layang di Malaysia dan Asia.

Persatuan Kikik Kebangsaan Daerah Brunei dan Muara diberi penghormatan untuk menggunakan satu ruang bagi menyumbangkan Pameran Kekal dengan pelbagai jenis kikik tradisional Brunei serta gambar-gambar bersejarah berhubung dengan permainan kikik di Negara Brunei Darussalam yang diusahakan oleh Awang Haji Abdul Samad bin Haji Abdul Rahman, Setiausaha persatuan berkenaan (Pekikik).



Dua Pesuruhjaya Tinggi diterima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Hirubalan V.P., Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura yang baru ke Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman 27 Februari lalu (atas sekali).

Sementara itu pada hari Isnin 28 Februari lalu, Duli Yang Teramat Mulia

juga berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom, Great Britain dan Northern Ireland ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan John Forbes Andrew Caie (atas).

Tuan Yang Terutama berdua telah menyebarkan watakah perantakan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 Februari lalu.

Hadir sama di kedua-dua Majlis Mengadap itu Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Dari muka I

Melalui peruntukan itu, para pencari kerja yang berjaya mengikuti tiga skim yang diperkenalkan seperti Skim Latihan Kemasukan Bekerja, Skim Latihan Persediaan dan Skim Latihan Dalam Pekerjaan akan menerima elaun yang dibiayai oleh pihak kerajaan sendiri.

Skim Latihan Kemasukan Bekerja adalah bertujuan untuk melatih pelatih APEC 2000 yang masih belum mendapat pekerjaan dan pencari pekerjaan tempatan yang bersedia menerima pekerjaan di sektor swasta.

Menurut Awang Haji Razali melalui skim itu pelatih akan diaturkan untuk mengikuti latihan dan penempatan di syarikat-syarikat yang komited menawarkan pekerjaan yang mana pihaknya akan mengadakan perundingan awal dengan majikan berkenaan dalam memastikan pengambilan pekerja baru dan keperluan latihan bagi mereka yang berjaya.

Skim Latihan Persediaan pula dikhususkan bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan secara proaktif supaya keupayaan mereka setanding dengan kemampuan pekerja-pekerja asing.

Syarikat-syarikat swasta dan Jabatan Buruh akan mengenal pasti pada peringkat awal jawatan yang sesuai untuk pencari kerja tempatan berkenaan.

Anak-anak tempatan yang telah bekerja tetapi mempunyai potensi untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi di syarikat berkenaan juga berpeluang untuk menyertai Skim Latihan Dalam Pekerjaan.

"Skim ini adalah insentif kepada majikan untuk menambat kesetiaan pekerja-pekerja tempatan dalam syarikat mereka," jelas Awang Haji Razali.

Melalui Skim Latihan Dalam Pekerjaan akan memastikan kemahiran anak-anak tempatan dapat ditingkatkan selaras dengan keperluan semasa industri.

Majikan juga akan mempunyai pilihan bagi mengambil bekerja anak-anak tempatan berkemahiran setanding dengan pekerja asing dengan kos yang minima.

Sementara bagi syarikat pelatih pula akan membuka peluang menawarkan perkhidmatan latihan di mana kerjasama di antara syarikat tempatan dan luar negara yang bertaraf antarabangsa juga akan meningkatkan kemampuan syarikat mereka mengendalikan program latihan dan juga mutu perkhidmatan yang ditawarkan.

Ke arah itu, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi menggalakkan penglibatan syarikat latihan tempatan, pencari pekerjaan dan juga pekerja tempatan serta majikan untuk menggunakan skim bantuan latihan tersebut.

Membanteras masalah sosial

Pimpin golongan belia

Oleh Bolhassan HAB

GADONG. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) perlu melipatgandakan usaha untuk berganding bahu bukan sahaja dengan kerajaan bahkan juga badan-badan NGO di dalam dan luar negara bagi memimpin golongan belia.

Berucap di Majlis Penyampaian Waran Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yakin persekutuan tersebut dapat melakukan lebih banyak usaha yang dapat menyumbang kepada pembanteras masalah-masalah sosial di kalangan belia hari ini.

Ke arah itu, Yang Berhormat berkata, ia memerlukan barisan pemimpin yang gigih dan berkemampuan tinggi untuk merancang, menyusun dan seterusnya melaksanakan lebih banyak program kegiatan yang berkualiti dan mempunyai kesan yang tinggi.

Malah, program yang akan diungkuhkan itu nanti bukan sahaja ditumpukan penyertaannya kepada ahli-ahli pengakap serta pergerakan beruniform yang lain tetapi sewajarnya dilartakan juga kepada para remaja dan belia.

Yang Berhormat juga selaku Ketua Pengakap turut melahirkan keyakinan bahawa PPNBD masih mempunyai

banyak ruang yang boleh dilakukan dalam memperkembangkan kegiatan kemasyarakatan yang mampu mendampingi para belia dengan golongan masyarakat yang kurang bemaslah baik sama ada di bandar, pekan mahupun di kampung-kampung agar mereka lebih peka dan memahami keadaan masyarakat di sekeliling.

"Mungkin juga, dan malah tidak mustahil bagi Persekutuan Pengakap untuk menyusun strategi bagi melartakan kegiatan berpengakap ke mukim-mukim dan kampung-kampung bagi mengesankan lagi usaha memberikan pilihan kegiatan lebih baik kepada remaja dan belia daripada kegiatan-kegiatan yang tidak bermanfaat yang hanya menjadi beban kepada masyarakat dan negara," ujar Yang Berhormat.

Seramai 30 orang Pesuruhjaya Pengakap menerima waran masing-masing yang disempurnakan penyampaiannya oleh Yang Berhormat di majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat PPNBD pada 3 Mac lepas.

Pemberian waran-waran bagi pesuruhjaya-pesuruhjaya yang baru itu adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria penilaian yang mantap dan daya kepimpinan serta pengurusan yang tinggi dalam pergerakan pengakap di negara ini.

Komanwel perlu berubah

Dari muka I

Sementara itu, majlis perasmian hanya diliputi oleh media rasmi dan akhbar terpilih sahaja, manakala orang ramai tidak berpeluang langsung memasuki kawasan hotel di mana persidangan dijalankan yang terletak jauh ke dalam daripada jalan utama, kecuali yang mempunyai pas keselamatan disahkan oleh pasukan petugas khas CHOGM.

Untuk sampai ke kawasan persidangan itu perlu melalui beberapa sekatan pemeriksaan yang ketat baik individu mahupun kenderaan.

Sidang CHOGM kali ini merupakan pertemuan terbesar di kalangan 53 pemimpin dunia yang buat pertama kali mengadakan persidangan di sini kecuali Pakistan yang baru sahaja digantung daripada Konsul Komanwel dan tidak dibenarkan menghadiri sidang berkenaan.

Sidang CHOGM diadakan setiap dua tahun sekali menemukan setiap negara anggota Komanwel bagi mengadakan perbincangan rasmi dan tidak rasmi mengenai isu-isu antara-bangsa.

Sidang berkenaan sepatutnya diadakan Oktober 2001 tetapi ditunda kerana kurang sambutan daripada negara-negara anggotanya disebabkan keadaan antara-bangsa yang di luar jangka-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dialu-alukan oleh Perdana Menteri Australia, Tuan Yang Terutama Tuan John Howard sejour berangkat tiba di Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) 2002 di Coolool, Queensland. - Gambar oleh Masri Osman.

an.

Pembukaan Sidang CHOGM 2002 mulai dengan persembahan pelbagai tarian tradisi daripada puak asli Australia dan persatuan yang menetap di sini seterusnya disusuli dengan lagu kebangsaan negara itu dan persembahan nyanyian.

Komanwel Moden ditubuhkan daripada 54 buah negara dengan jumlah penduduk 1.7 bilion (30 peratus daripada jumlah penduduk dunia) terdiri daripada negara-negara industri dan beberapa negara yang popular di dunia.

CHOGM 2002 akan mengeluarkan tiga dokumen, laporan menyeluruh daripada jawatankuasa terhadap fungsi kerjasama seperti bantuan hutang, pentadbiran yang baik, pendidikan, kesihatan dan hal-ehwal belia, Deklarasi Coolool termasuk tindakan komitmen terhadap objektif yang dipersejuti semasa retreat diadakan dan Kenyataan Pemimpin-pemimpin Negara.

Sejour selepas majlis perasmian itu, DYTm mewakili Negara Brunei Darussalam di mesyuarat pertama sesi eksekutif yang membincangkan pemba-

ngunan global semasa tumpuan mengenai keganasan. Sesi tersebut juga menerima laporan daripada pemimpin-pemimpin yang memperlihatkan pelbagai aspek kerjasama Komanwel.

Di sebelah tengah hari, DYTm berangkat menghadiri beberapa acara rasmi dan di sebelah malamnya DYTm dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap sempena memperingati Ulang Tahun Baginda Queen Menaiki Takhta.

TANGANI MASALAH SOSIAL SECARA BERSEPADU

درتیتکن اوله جباتن فئراغن، جباتن فردان متري دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.



Hari Kebangsaan lambang perpaduan

aman damai yang kita nikmati sekarang. Maka ke arah itu, amatlah perlu dan mustahak agar semangat kesetiaan bermasyarakat dan bernegara ditingkatkan dan dipupuk setiap masa dan bukannya bermusim, terutama di kalangan penuntut dan para belia.

memperkasakan lagi wara-ga kita, agar bangsa Brunei bukan sahaja berkebolehan dan berkemampuan, tetapi mempunyai daya saing yang tinggi dan kuat di dalam menghadapi arus globalisasi yang semakin hebat dan mencabar. Keupayaan bangsa perlulah terus menyerlah terutama di bidang perdagangan dan perniagaan. Begitu juga di bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Keupayaan menterajui disiplin-disiplin berkenaan menjadikan bangsa Brunei mampu berupaya dan sebagai satu kelebihan, yakni 'competitive edge' bagi mengatasi saingan-saingan negara lain.

daulat lagi merdeka, dan selaku anggota masyarakat antarabangsa, pada menghadapi pelbagai cabaran, dalam era yang sentiasa mengalami perubahan dan keadaan tidak menentu.

KOMITED

Kita selaku rakyat dan penduduk yang menjelamai bumi bertuah ini sewajarnya dan sudah kena tempatnya untuk sama-sama komited dan mendukung apa-apa jua langkah dan arus perjalanan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Dalam abad ke-21 yang kita layari serta dunia tanpa sempadan dan proses globalisasi ini, memaksa kita untuk terus gigih dan tekun bekerja. Bekerja dalam erti kata memerlukan komitmen semua pihak, bukan sahaja setakat menyerahkan kepada kerajaan dan sektor swasta, tetapi hendaklah sama-sama berganding bahu pada menanai tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan secara bersepadu, seperti kata pepatah 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Tegasnya kurang masa bercakap tetapi banyak bekerja.

Semogalah Hari Kebangsaan yang kita rayakan pada setiap 23 Februari akan dapat mengeratkan lagi perpaduan dan kerjasama. Sebagai lambang perpaduan, jadikanlah Hari Kebangsaan untuk kita lebih komited terhadap tugas dan amanah yang telah dipikulkan. Serentak dengan itu, tingkatkanlah kesedaran sebagai bangsa merdeka secara bertanggungjawab demi keselamatan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

LAMBANG PERPADUAN ... Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan yang diadakan pada setiap tahun telah berjaya mengukuhkan lagi perpaduan dan kerjasama di kalangan rakyat dan penduduk negara ini.

OLEH FIRDAUS HJ

penyertaan segenap lapisan rakyat dan penduduk. Wujudnya perpaduan antara kerajaan dan rakyat, merupakan intisari utama yang telah membolehkan negara kita mencapai kemajuan dan pembangunan yang pesat walaupun negara kita menghadapi ekonomi yang tidak menentu. Perpaduan yang kita tunjukkan semasa perhimpunan raksasa itu akan terus kita kekalkan sebagai langkah dan usaha berterusan mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih bermakna di masa mendatang.

Penglibatan murid-murid yang masih kecil dan penuntut-penuntut sekolah dalam persembahan padang sudah pasti akan dapat menyemai dan mendidik jiwa mereka cintakan bangsa dan negara. Semangat patriotik yang disemai di peringkat awal itu amatlah baik dan perlu sekali dalam kita membentuk generasi yang bakal menjadi pemimpin dan pewaris kepimpinan negara. Penyertaan mereka itu juga menjadi kebanggaan bukan sahaja kepada diri mereka tetapi yang lebih utama kepada bangsa dan negara. Di peringkat awal itulah mereka akan dapat mengenali dan mengetahui

bi-bit-bi-bit bermasyarakat dan bernegara.

Sementara penyertaan para belia akan dapat membantu kepekaan baik dari segi minda dan jiwa mereka untuk menempuh dan menghadapi pelbagai cabaran. Sebagai golongan penerus dan aset yang berharga kepada negara, mereka akan rela berkorban apa saja demi cintakan bangsa dan negara. Di bahu merekalah nanti akan terpikul tanggungjawab dalam meneruskan siasa pembangunan ke arah yang lebih dinamik dan progresif sesuai dengan tema Hari Kebangsaan 'Memperkasakan Keupayaan Bangsa'. Dalam erti kata yang lain, para belia adalah khazanah perbendaharaan negara yang amat mahal, bila kita manfaatkan dengan sebaik-baiknya demi kepentingan perpaduan dan keharmonian bernegara.

Penyertaan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, pihak swasta, penduduk mukim dan kampung, persatuan belia dan kebajikan, persatuan wanita dan badan-badan NGO merupakan bukti perpaduan dan kerjasama yang erat yang sentiasa terjalin bagi sama-sama mewujudkan suasana yang

SUNGGUHPUN Hari Kebangsaan telah berlaku pada 23 Februari dan Perhimpunan Agung telah dilangsungkan pada 25 Februari di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, namun kemeriahannya masih dirasakan. Sambutan-sambutan bagi memperingati hari bersejarah itu diadakan di sana sini oleh penduduk-penduduk mukim dan kampung. Selayaknya kita merayakan Hari Kebangsaan itu yang merupakan detik istimewa dalam sejarah kehidupan kita orang-orang Brunei. Sejarah yang telah membawa Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Hari Kebangsaan merupakan manifestasi yang amat berharga dan 'viable'. Melaluinya terpancar lambang perpaduan bangsa Brunei yang bersatu padu, taat setia kepada agama, raja dan negara. Hari yang dapat menyatupadukan setiap lapisan rakyat dan penduduk negara ke arah satu tujuan murni untuk lebih membawa bumi darussalam ke mercu kejayaan dan kegemilangan. Apa pun, yang jelas kesan Hari Kebangsaan itu bukan sahaja bersemarak dan bergelora semasa musim sambutan sahaja, malahan yang lebih penting kita jadikan budaya dalam kita menempuh kehidupan yang penuh dengan pelbagai cabaran khususnya di era globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Mengimbas kembali Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan Ke-18 Tahun 2002 ianya telah dilangsungkan dalam bentuk sederhana tetapi penuh kemeriahan dengan corak-corak persembahan padang yang telah dapat memukau rakyat dan penduduk negara baik yang menyaksikan secara dekat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin atau melalui kaca televisyen yang disiarkan secara langsung ke seluruh pelusuk tanah air dan juga melalui satelit.

PENGLIBATAN RAKYAT

Sejumlah lebih 10 ribu peserta telah terlibat dalam menjayakan perhimpunan itu melalui persembahan padang dan berjalan lalu. Sesungguhnya penglibatan yang sebegini ramai adalah berpunca daripada kesedaran bermasyarakat dan bernegara, selain daripada kejituan semangat kebangsaan yang ditunjukkan oleh masyarakat kita, terutama sekali kaum belia.

Kesetiaan rakyat dan penduduk yang tidak berbelah bahagi kepada raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah teras keutuhan bernegara dan kekuatan berbangsa yang telah kita warisi sejak datuk nenek kita lagi. Manifestasi kesetiaan dan bergara itu dapat kita saksikan sendiri melalui

Sastera & Budaya

UNSUR KEISLAMAN YANG TERDAPAT DALAM PLOT HIKAYAT SITI ZUBAIDAH DAN HIKAYAT SERI RAMA

PENGENALAN

OLEH HAMRIN

DALAM membincangkan sejauh mana kedatangan Islam memberi fungsi terhadap hikayat Melayu, perlu diketahui di sini bahawa perkembangan sastera hikayat itu berlaku oleh kerana adanya satu proses perjalanan masa yang pangjang dilalui oleh kesusasteraan Melayu. Dalam hal ini, terdapatnya tiga unsur perkembangan sastera hikayat itu antaranya adalah seperti di bawah ini:-

1. Hikayat berunsur Hindu
2. Hikayat berunsur Hindu-Islam
3. Hikayat berunsur Islam (Zalila Sharif dan Jamilah Hj. Ahmad, 1993:138)

Jadi wujudnya kedatangan Islam adalah bertujuan untuk mengembangkan ajaran Islam melalui cerita-cerita bercorak Islam yang disadurkan agar dapat memberi kesedaran beragama kepada orang-orang Melayu, dalam mana cerita-cerita berunsur Islam yang disadurkan ke dalam bahasa Melayu itu adalah berasal dariapda sumber-sumber Arab dan Parsia (Ismail Hamid, 2990 : 78). Dengan kedatangan Islam maka hikayat berunsur Hindu itu telah sedikit sebanyak diwarnai oleh unsur Islam.

Dengan demikian dalam rencana ini, hanya ditumpukan perhatian kepada perkembangan plot dalam dua hikayat. Dalam perbincangan plot dan perkembangan plot itu nanti juga akan mengaitkan dan menghubungkan unsur-unsur intrinsik yang lain.

HIKAYAT SYAIR SITI ZUBAIDAH DAN HIKAYAT SERI RAMA

Melalui plot saya akan melihat unsur Islam yang ada dalam hikayat Syair Siti Zubaidah dan juga hikayat Seri Rama dengan mengaitkan unsur-unsur intrinsik yang lainnya. Di mana saya akan menggunakan hikayat Syair Siti Zubaidah sebagai teks utama kerana hikayat Syair Siti Zubaidah ini merupakan sebuah hikayat yang berunsur Islam dan saya akan melihat Hikayat Seri Rama yang berunsur.

Hindu untuk melihat sejauh mana unsur intrinsik dalam kedua hikayat ini mempunyai pengaruh keislamannya.

A - PLOT HIKAYAT SITI ZUBAIDAH

| | |
|------------------------------------|--|
| 1. Situasi Awal (keharmonian) | > Latar belakang Kembayat Negara Kelahiran Zainal Abidin sebelum dengan saudagar Zainal Abidin dinobatkan > Pemergian dan pertemuan Zainal Abidin mengembara ke Pulau Peringgi |
| | > Zainal Abidin bertemu Siti Zubaidah > Sisipan Raja menggala menyerang negeri Yaman Zainal Abidin berkahwin dengan puteri Sejarah |
| | Zainal Abidin bertemu Siti Zubaidah > Perpisahan Kembayat negara diserang China Zainal Abidin ditawan puteri China Zubaidah meninggalkan puteranya > Sisipan Kisah putera Siti Zubaidah Siti Zubaidah menyamar diri > Peperangan Raja Yunan bergabung negeri lain menyerang China |
| 2. Situasi Pertengahan (Kekacauan) | |

Oleh itu dapatlah dilihat di bawah ini plot kedua-dua hikayat iaitu :-

| | |
|--------------------------------|---|
| 3. Situasi Akhir (keharmonian) | > Pertemuan Keluarga Zainal Abidin bertemu keluarganya. Pulang ke Kembayat Negara bertemu keluarga Siti Zubaidah diangkat menjadi permaisuri |
|--------------------------------|---|

(Abdul Mutalib Abdul Ghani (penyelenggara), 1983 : 1 - 472).

Jadi melalui plot di atas, unsur Islam yang terdapat dalam Hikayat Syair Siti Zubaidah ini dapat dilihat terutamanya pada situasi awal lagi :

Menggambarkan keadaan yang harmoni dalam negeri Kembayat Negara yagn diperintah oleh raja Darman Syah dengan adil dan pemurah. Sebelum anaknya lahir ia sentiasa berdoa kepada Allah, setelah mendapat seorang anak lelaki ia lalu memberi nama Zainal Abidin dan tidak lupa menderma sedekah. Semasa kecil Zainal Abidin telah belajar mengaji Al-Quran sehingga khatam, menuntut ilmu kepahlawanan dan belajar sembahyang pada kadi. Ketika Zainal Abidin menjadi raja ia bertafakur sambil mengucap 'Allahu Akbar' setelah itu kadi membaca doa yang disudahi dengan 'wa' Liu a' lamu'. Bilamana Zainal Abidin merasa tidak tenteram dalam hatinya maka ia akan mengerjakan sembahyang untuk menenangkan perasaannya.

Semasa Zainal Abidin dalam pelayaran bersama sahabatnya turun ribut sehingga Zainal Abidin merasa susah hati lalu ia berdoa kepada Tuhan dengan membaca isim yang jati. Hal ini dapat dilihat seperti dalam petikan di bawah ini :-

"Baginda membaca isim yang jati, memuji Tuhan Rabbu'l I-zzati, yakni ikhlas di dalam hati, dengan seketika ribu berhenti." (Abdullah Mutalib Abdul Ghani, 1983 : 1 - 42).

Dengan kehendak Tuhan, Zainal Abidin bertemu dengan Siti Zubaidah lalu mereka berkahwin dan diadakan istiadat nikah, ijab kabul, doa mustajab, mas kahwin serta kadi ulama membaca doa menadahkan tangan berselawat kepada Nabi. Sebelum Siti Zubaidah berkahwin pendeta ulama ayah Siti Zubaidah sentiasa berdoa kepada Allah agar Siti Zubaidah dipertemukan jodoh, apabila doanya dikabulkan Allah ia bersyukur seperti yang dapat dilihat pada petikan ini:-

"Lalu berkata tangan ditadahkan, katanya 'syukur Al-hamduillah', inilah datang pemberian Allah, rezeki kita ada di situlah". (Abdullah Mutalib Abdul Ghani 1983 : 42 - 53).

Dalam pelayaran Zainal Abidin hendak balik disisipkan kisah tentang Zainal Abidin meminta keizinan dari Siti Zubaidah untuk menikah lagi dan sebagai seorang suami yang mempunyai dua orang isteri ia menjalankan tanggungjawabnya bergilir-gilir ke atas kedua isterinya.

Pada situasi pertengahan pula : Walaupun Siti Zubaidah berada di Kembayat Negara dan berada jauh dari tempat tinggalnya iaitu di negeri Iraqan Kastan ia tidak lupa mengerjakan sembahyang dan juga mengaji Al-Quran. Manakala Zainal Abidin walaupun ketika dimarah oleh ibunya ia tidak sekali-kali melawan kerana takut menjadi derhaka. Sebelum pergi berperang Zainal Abidin memberi sedekah harta kepada anak yatim piatu dan memanggil lebai dan haji untuk membaca doa tolak bala. Dalam keadaan sedih pada ketika Siti Zubaidah hendak pergi menyelamatkan suaminya dia sempat berdoa agar anaknya selamat dalam peliharaan Allah seperti petikan di bawah ini :-

"Jika ada tuah untungku ditemukan Allah dengan puteraku hendak dibawa betapa halku, kerana besar pekerjaanku."

"Tinggallah tuan buahan hati, dipeliharakan Allah Rabu' I-zzati, semoga di dapat orang yang bakti, supaya diambil dengan seperti." (Abdul Mutalib Abdul Ghani, 1983 : 54 - 239).

Dalam cerita sisipan pula dengan takdir Tuhan, semasa abang Siti Zubaidah berburu di hutan bersama sahabatnya di kalangan raja-raja mereka berjumpa budak lelaki lalu diberi nama Raja Ahmad Syah Bangsawan Muda. Semasa pengembaraan Siti Zubaidah mencari suaminya dengan takdir Tuhan ia bertemu dengan pendeta untuk belajar keperwiraan dengan menyebut Isim Tuhan sejati. Semasa Zainal Abidin menawan Kilan Syamsu, dia sempat menyuruh Kilan Syamsu agar menyembah Tuhan Rabana semata-mata dan meninggalkan menyembah berhala.

Pada situasi akhir : Dengan takdir Tuhan Zainal Abidin dipertemukan dengan anaknya dalam perasaan sedih ia bermohon kepada Tuhan agar mereka berdua dipertemukan dengan Siti Zubaidah seperti dalam petikan ini :-

"Apabila perang kita selamat, baru mencari bonda Ahmad, berkat segala wali keramat, dipertemukan Tuhan Maliku' I-Rahmat".

Dengan pertolongan Tuhan Rabbu'zzati Siti Zubaidah digerakkan hatinya oleh Allah bertemu dengan Zainal Abidin. Zainal Abidin hanya berkahwin dengan empat orang. Semasa keadaan semuanya aman dan selamat doa selamat pun dibaca dengan memuji akan kuasa Tuhan. Ini dapat dilihat pada petikan di bawah ini :-

"Mendirilah tuan laki isteri, menjadi raja memerintah negeri, senang sentosa sehari-hari, dipelihara Tuhan Maliku'I-Bahari."

Menadah tangan doa dibaca, memuji Tuhan Yang Amat Kuasa, hatipun tenang mana cuaca, memandang anakanda mahkota desa." (Abdul Mutalib Abdul Ghani, 1983 : 240 - 472).

Dari hikayat Syair Siti Zubaidah ini unsur Islam yang terdapat pada hikayat ini mengandungi pengaruh Islam yang kuat. Ini adalah kerana bertujuan untuk mengembangkan ajaran Islam, pengaruh Islam yang kuat pada hikayat ini dapat dilihat pada awal peristiwanya lagi telah diceritakan dengan dihidulukan ayat kalimat 'Bismi Liah'i'r-Rahmani'r-Rahim', manakala watak-watak yang diperkenalkan kebanyakannya adalah nama-nama arab yang masyhur seperti Zainal Abidin, Siti Zubaidah, Pendeta Ulama, Darman Syah dan banyak lagi. Semasa dalam pengembaraan watak-wataknya sentiasa berdoa kepada Allah memohon keselamatan dari bahaya begitu juga pada ketika dalam kesusahan dan kesenangan mereka akan berdoa kepada Allah. Ketika mereka berdoa itu adalah bahasa yang indah yang terkandung di dalamnya bahasa Al-Quran iaitu memuji kebesaran Tuhan seperti petikan yagn dinyatakan di atas tadi.

Begitu juga situasi latarnya yang menunjukkan latar tempat yang wujud di muka bumi ini dalam mana kebanyakan tempatnya berlatarkan Timur Tengah seperti negeri Iraqan Kastan Yaman, China dan banyak lagi. Watak Zainal Abidin juga digambarkan sebagai seorang suami yang berlaku adil ke atas isteri-isterinya dan hanya mempunyai empat orang isteri mengikut sunat Islam. Selain itu ia juga merupakan seorang yang taat kepada ibu bapanya dan beriman ini adalah salah satu unsur Islam yagn mesti diikuti. Manakala Siti Zubaidah merupakan seorang wanita yang mempunyai sifat-sifat yang sebagai syarat empat untuk dijadikan sbagai suri rumah yang ideal dalam Islam dan ia juga merupakan seorang isteri yang pandai melayan suaminya, sanggup membantu suaminya dalam kesusahan dan membenarkan suaminya berkahwin dengan keikhlasan.

Manakala itu kita melihat Hikayat Seri Rama pula yang berunsur Hindu melalui plot dan kemu-

dian memasukkan unsur intrinsik yang lain untuk melihat sejauh mana pengaruh Islam itu terdapat dalam hikayat ini di mana Hikayat Seri Rama merupakan hikayat berunsur yang paling kuat pengaruh Hindunya. Di mana pada peringkat awalnya, cerita-cerita yang datangnya dari kesusasteraan India memang sudah lama terkenal di kalangan penduduk Melayu, terutamanya sebelum kedatangan agama Islam. Dalam kesusasteraan India ini ada memperlihatkan beberapa hasil genre sastera hikayat yang dianggap mempunyai pengaruh budaya dan agama Hindu.

Jadi dalam melihat akan unsur-unsur Islam pada hikayat berunsur Hindu ini khususnya Hikayat Seri Rama. Sememangnya sukar menentukan tarikh masuknya Hikayat Seri Rama ini dalam khazanah sastera Melayu. Ada kemungkinan hikayat ini telah ditulis dalam masa hampir sama ataupun terkemudian sedikit dengan masuknya Islam ke alam Melayu. Maka di bawah ini saya menggunakan perkembangan plot dalam hikayat ini agar dapat melihat unsur Islam yang terdapat di dalamnya :-

B/ PLOT HIKAYAT SERI RAMA

| | |
|--|---|
| 1. Situasi Awal (harmoni dan kekacauan) | > Latar belakang Maharaja Rawana menjadi raja Kisah negeri Indera Puri Negara > Awal kekacauan Raja Balikasha dengan Raja Shaksha bermusuh dan berperang > Perpisahan Anak Mandu-dari di-hanyutkan Seri Rama kahwin dengan Sita Dewi dan Sita Dewi meninggalkan benih kepada Dewi Anjati Maharaja Rawaan melarikan Sita Dewi ◆Sisipan Kisah kerbau jantan |
| 2. Situasi Pertengahan (pertemuan dan kekacauan) | > Awal pertemuan keluarga Seri Rama membunuh rak-sasa dan bermukim di hutan Seri Rama bertemu anaknya Hanuman Hanuman bertemu ibunya Sita Dewi Bardan dan Chatardan menjemput Seri Rama > Peperangan Seri Rama memerangi Maharaja Jaya Sang ◆Sisipan Maharaja Rawana cuba menghampiri Sita Dewi Hanuman membunuh ikan dan ketam |
| 3. Situasi akhir (kekacauan dan harmoni) | > Peperangan besar Inderajit memberi peringatan kepada Maharaja Rawana Tentera maharaja Rawana kalah berperang dengan tentera Seri Rama. > Perpisahan dan pertemuan Sita Dewi dihalau dan di-fitnah Kikewi Seri Rama bertemu anaknya Perkelahian Tabalawi dengan Hanuman Seri Rama bersama keluarganya akhirnya rukun kembali |

(Farid Mohd. Onn 1965 : 1 - 2004)

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaah Aalihie Wasahbihiie Waman Walah.

ISLAM sangat menggalakkan kebersihan, bersih daripada kekotoran dan segala pemandangan yang tidak menyenangkan lebih-lebih lagi yang menyakitkan seperti hadir ke masjid dalam keadaan bau busuk.

Najis bukan sahaja dituntut oleh Islam supaya wajib dibersihkan daripada pakaian, daripada tubuh badan dan tempat ibadat yang dilalui, bahkan sehingga ke tempat membuang najis pun dituntut menjaga kebersihannya dan menjaganya daripada menjadi punca kena najis. Kecuaian menjaga kebersihan yang boleh menyebabkan najis menjadi punca kena laknat di antaranya ialah membuang najis (kecil atau besar) di tempat perhentian orang, di bawah pohon yang berbuah, di jalan yang dilalui orang, di tempat takungan air untuk orang ramai, di tepi sungai atau di tepi pintu masjid. Membuang najis di tempat-tempat sedemikian adalah punca menerima laknat sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Maksudnya: "Hendaklah kamu hindari daripada tiga punca laknat (ke atas diri kamu) iaitu: Membuang najis di tempat-tempat terkumpul air yang didatangi orang bagi mengambil air, di jalan yang dilalui orang dan di tempat-tempat perhentian orang."

(Hadis riwayat Abu Dawud).

Maka IRSYAD HUKUM kali ini akan memberi kefahaman mengenai hukum kebersihan dan hukum najis dan hubungannya dengan keshahihan sembahyang.

Najis ialah benda-benda yang dianggap kotor oleh syarak, kotor yang boleh membatalkan sembahyang walaupun ianya dianggap tidak mengapa oleh manusia. Apabila tubuh badan, pakaian atau tempat sembahyang kena najis, wajib dibasuh, kerana benda-benda itu menghalang sah sembahyang.

Mengenai bersih atau kebersihan walaupun maknanya tidak kotor, suci, namun dari segi pengaruh hukumnya adalah berbeza, kerana tiap-tiap yang najis itu bererti tidak bersih (kotor) atau tidak suci, seperti najis anjing atau babi, darah, bangkai atau benda-benda yang keluar dari dubur dan kubul. Memandangkan adanya perbezaan ini, maka perlulah seseorang itu mengenali apa dia benda-benda najis atau yang kotor dalam pandangan syarak, kerana yang bernajis itulah yang dianggap tidak bersih oleh syarak dan inilah yang boleh menjejaskan keshahihan sembahyang.

Harus diingat tiap-tiap yang kotor (tidak bersih) itu tidak semestinya najis, tetapi sebaliknya tiap-tiap yang najis itu adalah kotor (tidak bersih), seperti baju atau pakaian kena lumpur tanah, terkena kuaah lauk dan seumpamanya. Pakaian itu boleh dipakai dan dibawa sembahyang. Sembahyang dengan baju kena lumpur tanah adalah sah sembahyang, berlainan apabila terkena dengan najis. Benda-benda najis menghalang sah sembahyang, manakala benda-benda tidak bersih tetapi tidak najis, tidak menghalang sahnya sembahyang.

GALAKAN BERSIH DAN BERTIAS DALAM SEMBAHYANG

Islam bukan saja menggalakkan supaya sembahyang didirikan dalam keadaan bersih, bahkan dengan bertias. Perkara ini telah disentuh oleh Al-Quran:

Tafsirnya: "Wahai anak-anak Adam pakailah pakaian kamu yang indah bertias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (seperti mengerjakan sembahyang)."

(Surah Al-A'raaf: 31).

Dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada diterangkan supaya bertias dengan memakai pakaian yang indah ketika hendak ke masjid mengerjakan sembahyang, terutama pada Hari Jumaat dan Hari Raya, bahkan juga memakai bau-bauan yang harum.

Bahkan sunat sesiapa yang hendak mendirikan sembahyang sama ada lelaki atau perempuan (tanpa kehadiran lelaki asing atau ajnabi) memakai seindah-indah pakaian dan memakai dengan apa yang boleh dibuat bertias, menurut kebiasaan, berdasarkan zahir ayat di atas.

Bilangan 133

Adalah makruh hukumnya seseorang yang bersembahyang itu dengan pakaian yang ada gambar atau ada ukiran, kerana kemungkinan boleh mengganggu sembahyangnya. (Fath Al-'Allam: 2/172-173).

Di antara hadis-hadis yang menganjurkan berpakaian yang indah ketika hendak mendirikan sembahyang ialah:

Maksudnya: "Apabila sembahyang seseorang kamu (ertinya hendak sembahyang), pakailah dua kain. Kerana Allah Yang Maha Mulia dan Maha Tinggi lebih layak buat kita berhias di hadapan-Nya. Kalau tidak ada padanya dua helai kain, pakailah Izar (bersarung) bila sembahyang. Dan jangan berkerudung sembahyang, sebagai sembahyang Yahudi."

(Hadis diriwayatkan oleh At-Tabarani dan Al-Baihaqi).

Dengan keterangan-keterangan di atas jelaslah bahawa adalah tidak tepat pendapat yang mengatakan bahawa mendirikan sembahyang itu tidak perlu mepedulikan kebersihan zahir. Bahkan menghias diri sewaktu hendak mendirikan sembahyang adalah disunatkan, sebagaimana keterangan Al-Quran dan hadis mengenainya.

KEDUDUKAN SEMBAHYANG SESEORANG YANG SYAK TENTANG KEBERSIHAN

Adapun mengenai kedudukan sembahyang seseorang yang ragu atau syak tentang kebersihan, sekalipun ragu atau syak tentang najis, maka keraguan atau syak itu tidak menjejaskan hukum yang boleh menyebabkan sembahyang tidak sah, kerana berdasarkan kaedah fiqh bahawa:

Maksudnya: "Sesuatu yang sudah diyakini tidak dihilangkan oleh sebab adanya keraguan."

Pengarang Al-Asybah wa An-Nazair pula menyebutkan:

Ertinya: "Sesiapa yakin dalam keadaan bersih (suci) dia merasa syak berhadapan, maka dia adalah suci, atau dia yakin dalam keadaan berhadapan dan syak dalam suci, maka dia adalah berhadapan."

Dalil bagi kaedah ini berdasarkan sabda Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

Maksudnya: "Apabila salah seorang di antara kamu merasakan sesuatu di dalam perutnya, kemudian dia merasa ragu, adakah telah keluar sesuatu daripada perutnya itu atau tidak, maka janganlah dia keluar dari masjid sehingga dia mendengar bunyi atau mendapati sesuatu bau."

Tuntutan kebersihan dalam sembahyang



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

(Hadis riwayat Muslim).

Riwayat yang lain pula menyebutkan daripada Abdullah bin Zaid, katanya: "Ada seorang lelaki mengadu kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dia berasa terkhayal adakah dia berhadapan semasa menunaikan sembahyang." Maka sabda Baginda:

Maksudnya: "Janganlah dia meninggalkan sembahyangnya sehingga dia mendengar bunyi atau mencium bau."

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Sabda Baginda lagi:

Maksudnya: "Daripada Abi Saïd Al-Khudri berkata: Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Jikalau syak salah seorang kamu dalam sembahyangnya, dan tidak dia tahu, berapa jumlah rakaat telah dia sembahyang, adakah tiga (rakaat) ataupun empat, maka buangkan yang syak dan hendaklah dibena atas apa yang dia yakini."

(Hadis riwayat Muslim).

Mengenai perkara-perkara najis yang dimaafkan (ma'fuw) khasnya mengenai tempat laluan atau jalan yang bernajis, pengarang kitab Fath Al-Mu'in pula ada menyebutkan, beliau berkata:

Maksudnya: "Termasuk najis ma'fuw (yang dimaafkan): Sedikit lumpur di tempat laluan berjalan yang telah diyakini najisnya, sekalipun najis mughal-lazah, dengan alasan susah menghindarinya; selagi benda najisnya tidak nampak dengan jelas. Tentang kemaafan adanya najis ini, adalah berbeza sesuai dengan waktu dan tempatnya, mengenai pada pakaian dan badan. Jika zat najis itu jelas terang kelihatan di atas jalan laluan, walaupun tempat laluan anjing, maka ia tidak dimaafkan - walaupun ia merata di atas jalan - mengikut pendapat yang paling ajuah. Guru kita mengeluarkan fatwa tentang jalan yang tidak berlumpur bahkan yang terdapat di sana kotoran manusia, kotoran anjing dan binatang-binatang lain, lalu terkena air hujan,

(ia dianggap) sebagai najis yang dimaafkan kerana susah menghindarinya."

KAEDAH PENTING

Sesuatu yang asalnya suci, lalu ada prasangka ia menjadi najis dengan alasan bahwa barang yang seperti itu pada umumnya najis, maka di sini ada dua pendapat yang terkenal dengan: Pendapat asal (ia suci) dan pendapat zahir atau ghalib. Pendapat yang lebih kuat adalah pendapat bahawa barang tersebut suci, dengan alasan 'asal keyakinan yang telah ada', di mana hal ini lebih dipercayai daripada 'kebiasaan kejadian' yang selalu berbeza sesuai dengan keadaan dan masa. Yang demikian itu seperti pakaian pembuat arak, pakaian orang haid, pakaian anak-anak, bejana milik orang-orang pemeluk agama yang menggunakan barang najis, daun yang umumnya berjatuhan di tempat najis, air liur anak damit, sutera jukh yang terkenal terbuat dari lemak babi, keju Syria yang terkenal terbuat dari perut besar babi.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah diberikan keju dari penduduk Syria, lalu Baginda makan sebahagiannya, Baginda tidak pun bertanya dari apa keju itu diperbuat. Demikianlah kaedah yang sebahagian besarnya telah dikemukakan oleh guru kita dalam syarah Minhaj.

Maka berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas, kedudukan sembahyang seseorang yang ragu tentang kebersihan itu adalah sah dengan syarat benda najisnya itu tidak nampak dengan jelas.

PENUTUP

Berdasarkan huraian-huraian di atas, Islam menggambarkan konsep kebersihan itu amat penting di dalam kehidupan sehari-hari. Contohnya, di dalam Al-Quran dijelaskan bagaimana Allah Subhanahu Wataala telah memuji orang-orang Madinah kerana cara mereka bersuci. Sedangkan orang lain juga bersuci apabila membuang najis (besar). Apabila disiasat ternyata bahawa cara orang Madinah bersuci daripada najis besar itu ialah dengan mencantumkan di antara air dan tanah, manakala orang lain tidak berbuat demikian, bahkan hanya dengan air sahaja. (Tafsir As-Shawi). Perkara ini jelas di dalam firman Allah Taala:

Tafsirnya: "Sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad) yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya) sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)."

(Surah At-Taubah: 108).

Berhubung dengan perkara tersebut membersihkan najis besar dengan menggabungkan air berserta kertas khas (toilet paper) adalah juga suatu cara yang terbaik.

Majlis Kesyukuran sempena Hari Keputeraan DYTM Pengiran Muda Mahkota



MAJLIS Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang dianjurkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

BANDAR SERI BEGAWAN.- Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim telah mengadakan Majlis Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-28 Tahun.

Oleh Abu Bakar HAR

Kesyukuran itu termasuklah ahli-ahli Jemaah Tadbir dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah dan ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Majlis berlangsung pada 16 Februari lalu di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah di ibu negara, bermula dengan sembahyang fardu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon.

Juga mengadakan majlis yang serupa ialah Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Majlis juga diselenggarakan dengan membaca Surah Yaasin beramai-ramai dan diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran dan disusuli dengan sembahyang fardu Isyak berjemaah.

Antara yang hadir di majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bersama Timbalannya, pegawai dan kakitangan serta para penuntut UBD dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Antara yang hadir di Majlis

YSHHB sumbang derma dan alat penghawa dingin

BANDAR SERI BEGAWAN.- Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) telah menyumbangkan tiga unit alat penghawa dingin bagi bilik guru besar dan bilik guru-guru di Sekolah Agama Sementara Kampong Bolkhiah 'B' dan derma kepada penduduk yang terlibat dalam kebakaran di negara ini.

Oleh Aliddin HM

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah kepada para penduduk yang terlibat dalam kebakaran di Kampong Selayun, empat keluarga dan Kampong Pelambayan, Jalan Kota Batu, sekeluarga, kedua-keduanya di Daerah Brunei dan Muara; Lorong 3 Selatan, Seria, 13 keluarga di Daerah Belait dan Kampong Parit Perpindahan Temburong, sekeluarga di Daerah Temburong.

Tiga unit alat penghawa dingin itu berjumlah B\$2,050.00 telah disumbangkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah kepada Sekolah Agama Sementara Kampong Bolkhiah 'B' bagi kegunaan bilik guru besar dan bilik guru-guru. Sumbangan itu dihasratkan bagi melengkapi beberapa kemudahan yang telah disediakan di bangunan sekolah berkenaan yang terdiri daripada enam buah rumah dan lima daripadanya telah dibentuk menjadi 15 buah bilik darjah yang menempatkan lebih kurang 250 orang pelajar dari peringkat pra hingga darjah enam. Manakala sebuah rumah lagi dibentuk menjadi bilik guru besar, bilik guru-guru dan surau.

Kedua-dua sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah kepada Guru Besar Sekolah Agama Kampong Bolkhiah 'B' dan kepada para penduduk yang terlibat dalam kebakaran tersebut yang berlangsung di Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah di ibu negara di sini pada 15 Februari lalu.

Para pelajarinya adalah terdiri daripada anak-anak penduduk Rancangan Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah, Kampong Bolkhiah 'A' dan Kampong Bolkhiah 'B'.

Salah satu tujuan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah ialah dalam bidang kebajikan dengan mengadakan skim bantuan kepada mangsa bencana alam seperti kebakaran dan sebagainya.

Sementara sumbangan derma juga disumbangkan oleh



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah ketika menyampaikan sumbangan kepada seorang mangsa kebakaran. - Gambar oleh Halim HS.

منوجو كرىضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان ثومة دعوا سلاميه

Natijah keimanan terhadap jiwa, peribadi, akhlak

PERBUATAN yang memperlihatkan kebaikan tetapi tidak disertai dengan rasa keimanan maka ia merupakan perbuatan ria dan menunjuk-nunjuk. Sifat segini amat dikeji oleh Islam. Sebaliknya Islam menuntut supaya setiap amalan dilakukan dengan ikhlas. Ini hanya dapat dilahirkan oleh jiwa-jiwa suci dan hati yang penuh dengan kasih sayang. Kehidupan akan menjadi tenang, aman sentosa dan bahagia kerana sifat dan peribadi yang tenang dan ikhlas yang lahir dari rasa keimanan yang sebenarnya. Secara ringkas buah atau natijah keimanan terhadap jiwa, peribadi dan akhlak seseorang itu antaranya:

pemilikinya dari dihindangi sifat bakhil, tamak dan rakus. Seseorang akan diisi dengan sifat-sifat dermawan, suka membantu dan suka memberi kelapangan kepada orang lain.

- Keimanan akan menghindarkan diri sebarang syahwat syaitan dan tidak terpengaruh dengan kelazatan duniawi.
- Keimanan yang teguh akan menjauhkan diri dari mudah gugup dan hilang akal dalam menghadapi sebarang ujian dan dugaan serta sabar ketika menghadapi sebarang musibah dan bersyukur ketika menerima segala nikmat-Nya.
- Keimanan yang sebenar akan membuatkan seseorang itu sentiasa membuat manfaat kepada dirinya dan juga orang lain dan tidak membuat kerosakan kepada dirinya dan diri orang lain.
- Orang yang beriman tidak akan mudah patah hati malah erti kecewa tidak wujud di dalam dirinya. Ia menyedari setiap musibah dan bencana ada mem-

punyai hikmat di sisi Allah Subhanahu Wataala.

- Sebagai rumusan keimanan yang sebenar di jiwa dengan sendirinya melahirkan sifat-sifat yang baik seperti taat kepada pemerintah Allah Subhanahu Wataala, berdisiplin, berakhlak mulia dan membentuk lain-lain sifat terpuji yang menjadi hiasan hidup di dunia dan khazanah untuk perbekalan hidup di akhirat.

Sifat-sifat orang-orang yang beriman itu sebenarnya diterangkan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anfaal ayat 2 hingga 4 yang bermaksud:

"*Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian*

dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka; dan mereka beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (di Syurga)."

Dalam hubungan ini juga sebuah hadis riwayat Abu Hurairah Radiallahuanhu ada menerangkan yang bermaksud:

"*Iman itu hampir mempunyai 70 cawan-gan. Yang paling afdalnya perkataan Laillahailallah dan yang paling rendah ialah membuang sesuatu yang berbahaya di jalan dan sifat malu itu salah satu cabang dari iman.*" (Diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud dan An-Nasaie).

Dalam hadis ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menamakan semua amal-amal sebagai iman mulai dari syahadah hinggalah amal yang paling kecil iaitu membuang sesuatu yang boleh menyakitkan orang ramai di jalan. Iman yang mendalam tentu menjadi pendorong ke arah amalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Rasuah musuh negara

RASUAH adalah salah satu amalan yang tidak sihat. Ia melibatkan amalan yang tidak jujur dan perbuatan yang menyalahi dari segi undang-undang. Oleh sebab itu, rasuah juga dianggap sebagai salah satu penyakit masyarakat yang berbahaya selain daripada masalah penyalahgunaan dadah, keruntuhan akhlak dan sebagainya.

Amalan rasuah semakin berleluasa di mana-mana negara di dunia ini termasuk negara kita. Rasuah adalah musuh bagi negara. Amalan rasuah yang tiada batasnya boleh menggugat kestabilan politik dan ekonomi negara.

Dengan adanya penyakit masyarakat yang berbahaya ini, ia boleh menjelaskan peluang negara untuk berkembang maju. Dengan itu, taraf hidup rakyat tidak akan dapat diperbaiki. Masyarakat akan terpaksa hidup dalam keadaan dan suasana yang kucar-kacir.

Setiap program atau kegiatan yang dirancang oleh kerajaan tidak akan dapat berjalan dengan lancar jika para pelaksanaannya mengamalkan rasuah. Individu yang terlibat lebih mementingkan diri sendiri dari melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya terhadap masyarakat. Individu yang terlibat ini hanya akan memberi khidmat kepada golongan yang sanggup memberi rasuah.

Mereka yang mengamalkan rasuah adalah manusia hipokrit. Hidup mereka seperti berlakon di atas pentas dunia dan mengaut hasil kekayaan di atas titik peluh dan air mata masyarakat. Mereka ini boleh dibaratkan sebagai 'lintah darat'. Perbuatan mereka itu adalah semata-mata untuk mengendutkan perut mereka sendiri dan orang untuk kesejahteraan orang lain.

Amalan rasuah mewujudkan masyarakat yang bertukar kepada kebendaan dan wang ringgit. Negara akan hanya mempunyai rakyat yang mementingkan diri sendiri dan mereka hanya akan menyumbangkan khidmat pada negara sekiranya diberi bayaran. Inilah antara akibat rasuah yang boleh menjerumuskan masyarakat ke lembah kehancuran.

Individu yang memberi dan menerima rasuah adalah golongan yang tergelincir dari landasan hidup yang harmoni. Mereka sanggup melaku-

kan perbuatan keji ini tanpa memikirkan implikasinya. Apa yang penting bagi mereka adalah hasrat dan kepentingan mereka tercapai.

Dengan bermaharajalela amalan rasuah di kalangan rakyat merupakan tamparan hebat kepada undang-undang negara. Ternyata rasuah semakin sukar dibendung walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan. Sekiranya keadaan ini berterusan, negara akan hancur.

Pada hakikatnya, tiada sebuah negara pun di dunia ini yang membenarkan atau menghalalkan amalan rasuah. Amalan ini ibarat 'api dalam sekam' iaitu memusnahkan sesuatu tanpa disedari. Kesan buruk hanya akan dapat dilihat dalam jangka masa yang panjang. Sebab itulah amalan rasuah sukar diatasi lebih-lebih lagi bila masyarakat sekarang lebih mementingkan nilai-nilai materialistik.

Sebagaimana masalah-masalah sosial yang lain, amalan rasuah juga dapat diatasi. Ini dapat dilakukan melalui penerapan nilai-nilai agama di kalangan masyarakat, perbuatan rasuah dapat dihindarkan. Selain itu, penerangan mengenai kesan-kesan negatif rasuah perlu dipergiatkan oleh pihak-pihak berkenaan.

Bersederhana dalam kehidupan

RASUAH berasal daripada perkataan Arab 'rasya-yarsyi' yang bermaksud memberi kepada seseorang dengan tujuan yang salah.

Rasuah boleh ditakrifkan sebagai sesuatu pemberian yang diberi kepada seseorang dengan tujuan membenarkan perkara yang batil/salah dan membatalkan perkara yang hak/kebenaran.

Pemberian tersebut termasuklah berupa wang ringgit, pakaian, makanan atau apa sahaja dengan niat membenarkan perkara yang salah dan menyalahkan perkara yang benar.

Walau bagaimanapun kita harus juga tahu membezakan sesuatu pemberian itu rasuah atau hadiah ialah niat. Hadiah diberikan kepada seseorang dengan tujuan mendapat pahala daripada Allah Subhanahu Wataala.

Perbezaan ini hendaklah difahami kerana seseorang mungkin tidak mempunyai sebarang niat merasuah, tetapi pemberiannya itu (terutama pegawai yang berkuasa) boleh menyebabkan si penerima merasa serba salah atau terhutang budi pada ketika-nya tertentu.

Islam memandang rasuah sebagai satu jenayah yang sangat kotor dan keji. Dan ini sudah dijelaskan dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 188.

Allah berfirman maksudnya: "Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim,

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Perlunya Budaya Bersopan Santun Dikekalkan. Bincangkan'. Tarikh tutup 9 Mac, 2002.
2. 'Konsep Hijrah Perlu Dalam Era Globalisasi'. Tarikh tutup 16 Mac, 2002.
3. 'Bersama-sama Menggalakkan Pelaburan Asing'. Tarikh tutup 23 Mac, 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

an. Pertubuhan-pertubuhan anti-rasuah seharusnya bertindak cergas dan berani menahan sesiapa saja yang terlibat dengan rasuah. Hukuman berat seperti penjara seumur hidup atau di-hukum gantung sepatutnya dikenakan pada individu yang terlibat. Ini akan menimbulkan rasa takut mereka untuk melibatkan diri dengan rasuah.

Rasuah penyakit masyarakat yang berbahaya.

Usaha-usaha untuk menanganinya perlu diambil segera sebelum ia terus merebak. Harus diingat bahawa untuk menghapuskan rasuah, ia hanya akan berjaya jika ada kerjasama semua pihak.

Awang Mohd. Azrin bin Haji Jafarudin,
No. 39, Simpang 544-22,
Kampong Jerudong,
BG 3122.
No. k/p : 285259

Jadilah masyarakat bertanggungjawab dan amanah

HINGGA kini masih terdengar gejala yang tidak sihat iaitu rasuah, diamalkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ia boleh dianggap seperti umpam beracun yang boleh membawa mereka yang terabit terjebak dalam pelbagai lagi penyelewengan lain. Allah memerintahkan kita mengelakkan diri dari melakukan bahaya tetapi berusaha untuk menuju selamat, sebagaimana firman Allah yang terjemahannya:

"Jangan kamu campakkan dirimu kepada kebinasaan." (Surah Al-Baqarah ayat 195).

Segala bentuk rasuah ini bukan sahaja akan menghancurkan diri sendiri, malah amalan ini jelas boleh membantutkan usaha menuju dan membangunkan negara. Rasuah merupakan aktiviti yang membabitkan sogokan wang atau mata benda daripada satu pihak kepada pihak yang lain. Antara tujuannya untuk memperoleh sesuatu secara gelap atau melepaskan diri daripada hukuman atau kesalahan tertentu.

Pelbagai faktor boleh dikaitkan mengapa seseorang itu melakukan gejala rasuah. Naluri manusia yang sentiasa mengimpikan kekayaan dan status tanpa mengira halal atau haram. Wang ringgit telah mengaburi pandangan seseorang. Apa yang dipentingkan hanyalah nilai-nilai material dengan membuang jauh tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Dengan kata lain, rasuah juga

berpunca daripada sifat tamak haloba. Oleh sebab itu ada yang sanggup membelakangkan nilai moral dan agama mereka. Selain itu, anggapan orang mengenai 'wang menjadi kayu ukur kepada kejayaan seseorang' telah mengakibatkan manusia condong kepada 'nilai-nilai' negatif ini.

Di samping itu, sikap sesetengah hidup orang kitani yang suka bermegah-megah dan berbelanja secara boros juga menyebabkan seorang pegawai terjebak dalam terowong rasuah. Contohnya menyara hidup pula melebihi pendapatan hinggalah terpaksa berhutang di sana sini. Akhirnya akibat bebanan hutang, amalan rasuah dipraktikkan.

Faktor yang tidak dapat dipandang ringan adalah kurangnya penghayatan nilai-nilai murni dan ilmu-ilmu keagamaan. Kerendahan moral ditambah dengan nafsu yang tidak lagi dapat membezakan nilai yang baik dan buruk mendorong mereka bergelombang dalam gejala rasuah. Oleh itu, nilai-nilai akhlak yang baik perlu disemai dalam setiap individu kerana ia merupakan benteng untuk melakukan pelbagai jenis gejala yang tidak sihat termasuklah rasuah.

Program serta tindakan pencegahan berterusan sangat diperlukan. Selain itu juga, usaha memupuk dan memantapkan nilai murni sedia ada amat penting bagi mengelak amalan tersebut merebak dan sukar dibendung. Allah Subhanahu Wataala telah berfirman:

"... Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan dengan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat dosa) pada hal kamu mengetahuinya." (Surah Al-Baqarah ayat 188).

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Rasuah - Mengapa Terjadi dan Huraikan Cara-cara Mengatasinya'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

rasaan ini ialah pendidikan, pendedahan, mentarbiah perasaan, menanam perasaan ikhlas, tanggungjawab, disiplin dan amanah. Hal ini mungkin agak sukar kerana memerlukan usaha dan perhatian berterusan.

Walau bagaimanapun kepentingan undang-undang dan perlaksanaannya, malah ia tidak dapat dielakkan, kita tidak dapat mengharap semua orang mempunyai keikhlasan hati kerana manusia mempunyai kelemahan masing-masing. Apabila mereka diuji dengan perkara-perkara sebegini mereka akan hilang nilai-nilai dalam dan undang-undang adalah perlu untuk menyedarkan mereka.

Apa pun, contohilah cara hidup Rasulullah dan para sahabat yang serba sederhana. Semangat kesederhanaan seperti hidup mengikut kemampuan, tidak membazir dan tidak terlalu bergaya dalam hidup perlu diterapkan. Nilai-nilai tersebut penting dan merupakan cara mengatasi amalan rasuah yang tidak kurang berkesannya.

Awang Haji Zaini bin Dato Paduka Haji Othman,
No. 8, Simpang 456-25-10, Kampong Beribi, Gadong,
BE 1118.
No. k/p: 038142

Sebagai kesimpulan, jadilah masyarakat yang bertanggungjawab dan amanah dalam mengendalikan kerja yang telah diberikan kepada kita. Hindarilah rasuah kerana ia bukan sahaja tidak menguntungkan diri sendiri malah juga tidak menyumbang kepada kecemerlangan negara.

Dayang Norhaslinda binti Haji Adnan,
No. 12, Kampong Keriam, Tutong,
TB 1141.
No. k/p : 262946

Mengenali penyakit buah pinggang

MENGHADAPI PENYAKIT BUAH PINGGANG

PENYAKIT buah pinggang yang kronik adalah penyakit berat yang akan mengubah kehidupan setiap penghidapnya. Tanpa rawatan yang sesuai, ia akan membawa maut.

Di kebanyakan negara di dunia, statistik menunjukkan bahawa 200 orang dewasa bagi setiap juta penduduk dalam setiap tahun akan menghadapi kerosakan buah pinggang yang memerlukan 'dialysis' atau pencucian darah.

Pada masa ini, bilangan pesakit-pesakit yang menjalani 'dialysis' di Negara Brunei Darussalam kian meningkat. Pada akhir tahun 1986 seramai 42 pesakit menjalani 'dialysis' dan jumlah ini telah meningkat kepada 313 pesakit pada pertengahan tahun 2001.

Kebanyakan orang tidak mengetahui secara mendalam mengenai 'dialysis' dan pemindahan buah pinggang. Pesakit buah pinggang haruslah mempunyai pemahaman yang cukup mengenai penyakit mereka ke arah masa depan yang lebih bahagia dan sihat.

PENGETAHUAN ASAS MENGENAI FUNGSI BUAH PINGGANG

Saluran air kencing terdiri daripada buah pinggang, ureter, pundi-pundi air kencing dan uretra.

Kedua-dua buah pinggang terletak di sebelah tulang belakang kita. Darah mengalir ke buah pinggang melalui pembuluh nadi dan balik semula ke aliran darah umum melalui pembuluh darah.

Makanan yang kita makan dicerna dan akhirnya digunakan sama ada sebagai tenaga ataupun disimpan. Setiap kali proses pencernaan ini berlaku, kotoran-kotoran akan terkumpul. Kemudian ditapis oleh buah pinggang dan dibuang melalui air kencing.

Selain menjadi alat pembuangan kekotoran, buah pinggang juga berfungsi menentukan kandungan air di dalam badan dan membuang lebihan air.

Buah pinggang juga perlu dalam menentukan tekanan darah, pengeluaran darah merah di dalam tulang sum-sum dan menentukan kandungan kalsium di dalam tulang.

Sekiranya satu daripada buah pinggang cedera, dipindahkan atau tidak berfungsi lagi, buah pinggang yang tinggal masih boleh membuat kerja-kerja sebelumnya tanpa mendatangkan apa-apa jua kesan kepada badan.

KEJADIAN PENYAKIT BUAH PINGGANG

Sebab-sebab utama :

* Kencing manis - Penyakit ini khususnya mempengaruhi pembuluh-pembuluh darah dalam badan. Buah pinggang mempunyai banyak pembuluh darah yang kecil dan jika banyak di antaranya yang rosak, akan terjadilah penyakit buah pinggang. Walaupun ramai orang menghidap penyakit kencing manis tetapi hanya sebahagian kecil saja yang mendapat penyakit buah pinggang.

* Glomerulonefritis - Seperti juga pesakit kencing manis, pesakit tekanan darah tinggi juga mengalami kerosakan kepada pembuluh-pembuluh darah di buah pinggang. Selalunya jika tekanan darah terlalu tinggi dan berterusan pada jangka masa yang lama, kerosakan akan merebak dengan cepat menjadikannya lebih mudah mendapat penyakit buah pinggang.

* Batu di buah pinggang - Batu di dalam buah pinggang atau saluran kencing boleh menyekat keseluruhan atau sebahagian dari pengaliran air kencing. Ini mengakibatkan tekanan tinggi di dalam buah pinggang dan menyebabkan jangkitan penyakit. Jikalau penyakit ini berlaku pada jangka masa yang lama, ini boleh merosakkan buah pinggang.

* Keturunan keluarga - Penyakit seperti 'polycystic kidneys' yang terjadi kepada buah pinggang boleh menurun dari ibu bapa ke anak. Kebanyakan dari kanak-kanak ini akan menghidap sakit buah pinggang yang memerlukan 'dialysis' setelah dewasa.

* Jangkitan berulang - 'Pylonefritis cronic' adalah radang yang berlaku kepada buah pinggang dan selalunya penghidap penyakit ini menghadapi jangkitan berulang kali sehingga merosakkan buah pinggang.

TANDA PENYAKIT BUAH PINGGANG

Selalunya penyakit ini terjadi tanpa disedari kerana tiada rasa sakit. Tanda-tanda hanya berlaku bila fungsi buah pinggang menurun 10 peratus atau lebih dari biasa.

Jumlah air kencing yang keluar tidak berubah tetapi kadar kotoran akan berkurangan di dalam air kencing. Ini bererti kandungan

Oleh
Dr. Haji Shaukat Zinna
Bahagian Buah Pinggang
Rumah Sakit RIPAS


kotoran di dalam badan akan meningkat kerana fungsi buah pinggang sudah kurang mampu untuk membuang keseluruhan kotoran tersebut. Lazimnya, tanda-tanda penyakit datang secara berperingkat-peringkat tetapi tidak pasti bila ianya akan terjadi.



MENJANA KESIHATAN BISKITA

KOMPLIKASI DIABETIS

Paras gula yang tidak terkawal akan menyebabkan beberapa komplikasi.



Kerosakan Mata



Diabetic Koma



Masalah Jantung Koronari



Kerosakan Buah Pinggang



Gangrin atau Kudung Anggota Kaki dan Lemah Tenaga Batin
KAWAL PARAS GULA AWDA DENGAN BAIK!



IBADAT KORBAN ... IBADAT KORBAN ...

9 ekor kerbau dikorbankan Kementerian Kesihatan

BERAKAS, 26 Februari. - Yang berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing, begitulah yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dalam mengungkapkahkan ibadat korban sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha di Kementerian Kesihatan di sini.

Sebanyak sembilan ekor kerbau telah disembelih bagi tujuan berkurban dan berakikah oleh

pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian tersebut. Kerja melapah daging korban dan akikah telah bermula sejak awal-awal lagi oleh Jawatankuasa Majlis Kerja Korban dan Akikah.

Menurut salah seorang Jawatankuasa Kerja Majlis Korban dan Akikah, majlis yang diadakan hari itu adalah projek tahunan Kementerian Kesihatan di samping untuk sama-sama merebut

Oleh
Haji Ahmad HS

pahala melalui ibadat korban.

Daging korban dan akikah, tambahnya, akan diberikan kepada anak-anak yatim serta pegawai dan kakitangan yang berpendapatan rendah di Kementerian Kesihatan.

Pengagihan daging-daging korban telah di-

sempurnakan oleh Menteri Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Terdahulu dari itu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan Takbir Hari Raya Aidiladha yang dipimpin oleh Pegawai Agama Kementerian Kesihatan.



MENTERI Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika mengagihkan daging korban kepada seorang kakitangan Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Yahya mengagihkan daging korban kepada penerima yang berdaftar dengan Majlis Ugama Islam Brunei. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

Majlis Korban Kem. Hal Ehwal Ugama dan Kem. Hal Ehwal Dalam Negeri

Oleh Samle HJ

BANDAR SERI BEGAWAN. - Majlis-majlis Ibadat Korban terus diadakan oleh jabatan-jabatan kerajaan serta pihak persendirian di seluruh negara.

Kementerian Hal Ehwal Ugama juga mengadakan majlis serupa dengan mengorbankan sembilan ekor kerbau dan tiga ekor lembu pada 24 Februari lalu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Yahya telah mengagih-agihkan daging-daging tersebut kepada 60 penerima yang berdaftar kepada Majlis Ugama Islam Brunei.

Kakitangan di jabatan berkenaan juga menerima agihan daging-daging korban di majlis tersebut.

Sementara itu, Tim-

balan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin mendahului pengagihan daging korban yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebanyak enam ekor lembu dan dua ekor kambing yang dinazarkan telah dikorbankan di majlis yang berlangsung pada 23 Februari lalu.

Juga hadir mengagih-agihkan daging korban itu ialah Setiausaha Tetap jabatan berkenaan serta pengarah-pengarah jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Yahya melakukan pemotongan daging korban sebelum diagihkan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin mengagihkan daging korban kepada Setiausaha Tetap Kementerian itu, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof. - Gambar oleh Halim HS.

Majlis Korban ATLDDB

MUARA. - Sempena Hari Raya Aidiladha, umat Islam di negara ini sebahagiannya tidak melepaskan peluang untuk merebut pahala yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada mereka yang membelanjakan hartanya melalui Ibadat

Korban dan memperingati ketabahan Nabi Ibrahim yang diperintahkan untuk mengorbankan anaknya, Nabi Ismail.

Pada 23 Februari lalu, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) mengadakan Majlis Ibadat Korban bagi pegawai-

Oleh
Haji Ahmad HS

pegawai dan anggotanya yang berlangsung di Madrasah ATLDDB, Muara.

Sebanyak tujuh ekor kerbau dan tujuh ekor kambing dijadikan korban

dalam majlis itu dan pengagihannya telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Timbalan Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Leftenan Kolonel Jorsni bin Haji Lamat kepada anak-anak pegawai dan anggota ATLDDB.



PARA pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan bergotong-royong memotong daging-daging korban (gambar atas dan atas sekali). - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.



**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JKP/09/2002

Syarat-syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas V dan VI kategori 1 dan 5b bagi :

1) Projek : EARTHWORK PHASE 4 & 5 KAMPONG BUKIT BERUANG RESETTLEMENT HOUSING SCHEME, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Projek No : JKP/09/2002.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat Satu (1), Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu 23 Mac, 2002.

Tarikh dibuka : Hari Rabu 6 Mac, 2002.

Tarikh tutup : Hari Isnin 25 Mac, 2002 tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran dan Yuran Dokumen (Tawaran Dokumen dan Lukisan) : \$500 + \$500.00. (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk dan bilangan projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam.
5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dihendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
Watak jahat --- Raja Rawana, bila diberi nasihat ia tidak mahu mengikut malah ia akan menjadi murka. Dalam melakukan sebarang tindakan Raja Rawana sentiasa menggunakan fikiran ke arah kejahatan. Seperti petikan di bawah ini:-

"Maka Prusa Kala pun datang ... " Ya tuanku, bunuhlah patik ini." Maka ia pun dibunuh juga boleh Maharaja Rawana lalu mati.

Begitu juga dalam Hikayat Siti Zubaidah seperti yang dilihat di bawah ini :-

Watak baik --- Siti Zubaidah, sentiasa berbudi bahasa, peramah, cintanya kepada suaminya telah menjadi kubu ketahanan jiwanya menempuh goa dan kebencian ibu mertuanya, ia tidak marah ataupun berendam dan ia sentiasa mengaji Al-Quran. Seperti petikan di bawah ini :-

Duduk Zubaidah berbuat bakti, mengaji sembahyang bersungguh hati, suaminya tidak di taruh hati, sebab mertuanya punya negeri.

Watak jahat --- Permaisuri Tua, sentiasa memandang keturunan maka ia menyayangi Puteri Sejarah dan mengeneipkan Siti Zubaidah. Ia sentiasa menurut kemahuaannya tanpa mendengar nasihat suaminya. Seperti dapat dilihat pada petikan ini :-

Jangan tuan pulang ke sana, apa ditunggu orang yang hina, isteri setera tidak berguna, Zubaidah itu tidak sempurna. (Abdul Mutalib Abdul Ghani, 1983: 163 - 164).

Begitu juga ketika menceritakan tentang gambaran diri watak dilihatkan dikripsinya dengan baik terperinci seperti petikan di bawah ini :-

Dalam Hikayat Seri Rama iaitu watak Seri Rama ketika digambarkan akan dirinya adalah seperti berikut :-

Jawab Saga Dasana, "Ampun tuanku, seorang pun tiada seperti Seri Rama itu. Apabila ia duduk dihadapi orang, seperti Nabi Adam lakunya. Tubuhnya seperti Zamrud, dan apabila ia marah, seperti harimau hendak menerkam lakunya." (Farid Mohd. Onn, 1965 : 91 - 92).

Manakala dalam Hikayat Syair Siti Zubaidah iaitu watak Siti Zubaidah ketika digambarkan akan dirinya adalah seperti berikut :

Rambut panjang serta lebatnya, Kening beralit dengan hitannya, Matanya hitam sangat indahny,

JADI melalui peristiwa dalam dua hikayat ini bolehlah dikatakan mempunyai keindahan sebagai konvensi masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu. Walaupun dua hikayat ini tetap ada kerana untuk menarik perhatian masyarakat agar khalayak tidak mudah bosan dan akan terus mengikuti jalan cerita tersebut dan dengan sendirinya pengaruh Islam yang disisipkan dalam hikayat itu dapat berkembang.

Hidungnya indah sangat mancungnya,
Hidungnya mancung lehernya jinjang,
Pinggananya ramping dadanya bidang,
Terlalu elok sederhana sedang,
Sedap manis mata memandang. (Abdul Mutalib Abdul Ghani, 1983 : 44).

Jadi melalui peristiwa dalam dua hikayat ini bolehlah dikatakan mempunyai keindahan sebagai konvensi masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu. Walaupun dua hikayat ini tetap ada kerana untuk menarik perhatian masyarakat agar khalayak tidak mudah bosan dan akan terus mengikuti jalan cerita tersebut dan dengan sendirinya pengaruh Islam yang disisipkan dalam hikayat itu dapat berkembang.

KESIMPULAN

Pada kesimpulan dapatlah dikatakan, kesusasteraan kita berkembang sejak wujudnya masyarakat di kalangan bangsa kita. Melalui perkembangan plot dan unsur-unsur intrinsik yang lain dalam kedua hikayat ini iaitu Hikayat Syair Siti Zubaidah dan Hikayat Seri Rama maka sifat keislaman itu nampak terserlah. Terutamanya Hikayat Seri Rama walaupun karya itu begitu tersebar luas sebelum kedatangan Islam namun ada pula unsur Islam di dalam hikayat ini dan Islam telah mengubah dan memberi warna keislaman pada permukaan hikayat itu.

Berlainan dengan Hikayat Syair Siti Zubaidah keseluruhan hikayat ini mempunyai pengaruh yang kuat bila mana Islam bertambah kuat bertapak maka peristiwa dalam hikayat ini pun mempunyai pengaruh Islamnya yang bertambah kuat berbanding dengan hikayat Seri Rama. Jadi peranan kedatangan Islam itu adalah semata-mata untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat Melayu.

RUJUKAN


- Abdul Mutalib Abdul Ghani. 1983. "Syair Siti Zubaidah Perang China." Kementerian Pelajaran Malaysia. KL. DBP.
- Farid Mohd. Onn. 1965. Chriteri Seri Rama. Kementerian Pelajaran. LDBP.
- Ismail Hamid. 1990. Asas Kesusasteraan Islam. Kementerian Pendidikan Malaysia. KL. DBP.
- Prof. Dr. Siti Hawa Haji Saleh 1998. Sastera Hikayat Zaman Peralihan Hikayat Putera Jayapati. Jabatan Persuratan Melayu. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia. KL. DBP.
- Zalil Sharif dan Jamilah Haji Ahmad (Penyelenggara). 1990. Kesusasteraan Melayu Tradisional KL. DBP.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ketika menyaksikan pameran selepas merasmikan Pertandingan Kemahiran Pendidikan Teknik (kiri).

Gambar oleh Masri Osman

BEKAS pemenang pingat emas, Dayang Hajah Shahriana ketika menunjukkan bakat di Pameran Kemahiran ASEAN Ke-3 (bawah).



Bidang vokasional penting gerakkan pembangunan

Brunei akan sertai Pertandingan Kemahiran ASEAN Ke-4

BERAKAS. - Negara Brunei Darussalam dijangka akan menyertai Pertandingan Kemahiran ASEAN Ke-4 yang akan diadakan di Republik Indonesia pada bulan September depan.

Sehubungan dengan itu, Pertandingan Kemahiran Pendidikan Teknik menerusi enam bidang kemahiran adalah dihasratkan bagi memilih peserta ke pertandingan berkenaan.

Seramai 68 orang akan

menyertai bidang-bidang kemahiran IT, memasak, pemasangan paip, pendawaian elektrik, teknologi automobil dan pembuatan kabinet.

Institut Teknologi Brunei (ITB) akan mengendalikan pertandingan kemahiran IT. Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal MTSSR akan mengendalikan pertandingan-pertandingan kemahiran memasak dan pemasangan paip. Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkihah (MKJB) pula mengenda-

likan pertandingan kemahiran pendawaian elektrik.

Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam pula akan mengendalikan pertandingan kemahiran pembuatan kabinet sementara Sekolah Vokasional Sultan Bolkihah (SVSB) akan mengendalikan pertandingan pertandingan teknologi automobil.

Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan, Dato Paduka Awang Haji Mustapa berharap per-

tandingan berkenaan akan dapat diertuskan di masa-masa akan datang dalam meningkatkan lagi kualiti latihan kemahiran pendidikan teknik di Negara Brunei Darussalam.

Dalam Pertandingan Kemahiran ASEAN Ke-3 yang berlangsung di Thailand, Negara Brunei Darussalam telah berjaya memperolehi pingat emas dalam bidang kemahiran memasak melalui Dayang Hajah Shahriana bin Haji Abdul Wahid.

BERAKAS. - Tenaga kerja yang mahir adalah salah satu faktor utama di dalam pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara yang membangun.

"Memang tidak dapat dinafikan, bidang teknikal dan vokasional juga merupakan bidang yang penting dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti pembangunan negara," jelas Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ketika merasmikan Pertandingan Kemahiran Pendidikan Teknik, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 19 Februari lalu.

Katanya, kewujudan institusi teknikal dan vokasional di negara ini adalah antara lain bertujuan untuk menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan negara kita.

Menurutnya, negara kita masih lagi memerlukan lebih banyak tenaga mahir yang terdiri daripada anak-anak tempatan bagi mengambil alih tenaga-tenaga luar profesional

dan kemahiran bagi sama-sama membantu dalam membangunkan negara.

Pertandingan kemahiran berkenaan adalah bagi memilih pelajar-pelajar untuk mewakili Negara Brunei Darussalam ke Pertandingan Kemahiran ASEAN Ke-4 yang akan diadakan di Jakarta, Republik Indonesia pada bulan September depan.

Pertandingan Kemahiran ASEAN merupakan hasil daripada persetujuan di dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN yang bersidang pada tahun 1994.

Pertandingan tersebut antara lain bertujuan untuk mempromosikan pembangunan kemahiran vokasional dan teknikal yang berkualiti dan nilai kerja di kalangan belia-belia, pekerja mahir di kalangan negara-negara ASEAN, di samping meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan teknik dan latihan vokasional di kalangan negara-negara ASEAN.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, ianya juga sebagai mekanisme bagi

menghargai pekerja-pekerja yang cemerlang dan membentuk generasi baru pekerja yang mempunyai kemahiran yang tertinggi.

Katanya, pertandingan itu juga secara tidak langsung merupakan salah satu mekanisme bagi meningkatkan lagi kesedaran kita akan permasalahannya dan keperluan pekerja-pekerja mahir di dalam pembangunan negara.

Beliau juga berharap pertandingan itu akan dijadikan asas penilaian atau sukat-sukat kepada pihak-pihak tertentu khususnya Jabatan Pendidikan Teknik dan institusi-institusi lain agar kemahiran yang dimiliki oleh pelajar-pelajar berkenaan mampu menyipakan diri mereka untuk bersaing di pasaran kerja apabila mereka menamatkan kursus dan latihan nanti, seterusnya membolehkan pihak-pihak berkenaan mengatur langkah-langkah yang positif ke arah melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dan kompetitif.



PARA Penuntut ITB menunjukkan kemajuan pelajaran mereka.

PENUNTUT-PENUNTUT Pusat Latihan Mekanik ketika memperlihatkan kemahiran mereka (atas dan kiri sekali).



PASARAYA HM


DATO Hermawan melangkah dengan tenang setelah meletakkan kereta Mercedes 320SE di tempat letak kereta yang dikhaskan untuknya. Jam di tangannya menunjukkan 3.00 petang. Dia bersiul kecil sambil menyanyikan lagu kegemarannya 'Widuri' yang pernah dipopularkan oleh Bob Tutopuli. Kali ini dia bersendirian tidak seperti hari-hari lain dia sering ditemani oleh pegawai kanannya ataupun isterinya. Dia pergi kali ini bukan untuk membeli-belah tetapi membuat lawatan mengejut, dia nak buat surprise kepada kakitangan Pasaraya HM terutama yang baru.

Pagi-pagi lagi Mr. Chin, pengurus yang setia kepadanya dan juga kawan baiknya menelefonnya memberitahu mengenai perkembangan mengenai Pasaraya HM. Dato Hermawan senang hati hari itu. Mr. Chin menyambutnya di tepi pintu pasaraya raya. Dia memberitahu Dato Hermawan mengenai jadualnya melawat ke pasar raya hari itu. Kelihatan pekerja pasar raya hari itu sangat sibuk kerana pelanggan yang datang bertali arus. Hari raya hanya tinggal tiga minggu saja lagi, ramai pengunjung membeli-belah untuk persediaan menyambut hari raya. Lagu hari raya berkumandang di corong radio yang dimainkan oleh DJ yang dikhaskan oleh pasaraya tersebut untuk memberi maklumat mengenai jualan murah yang diadakan.

Suasana agak meriah, kelihatan beberapa kakitangan yang selalunya duduk di dalam pejabat sibuk menolong juruwang di kaunter pembayaran. Mereka duduk menolong memasukkan barang pelanggan ke dalam beg plastik. Kelihatan juga be-

berapa kakitangan bawahan memakai tali leher supaya kelihatan segar dan kemas. Mereka diarahkan supaya memakai tali leher, maklumlah ada pelawat istimewa hendak datang melawat. Mereka membuat kerja dengan bersungguh-sungguh, mereka tidak tahu pukul berapa pelawat istimewa itu datang, hanya yang tahu Mr. Chin seorang.

Dato Hermawan merupakan salah seorang ahli Lembaga Pengarah yang mempunyai saham yang banyak dan berkuasa dalam mengendalikan pasaraya tersebut. Mr. Chin sibuk memberi penerangan kepada Dato Hermawan mengenai perkembangan dan kemajuan pasaraya tersebut. Dia cuba memberi penerangan sebaik mungkin maklum saja Pasaraya HM tu banyak saingan, tapi mengikut kajian perangkaan, Pasaraya HM yang dimiliki oleh Dato Hermawan berjaya mengatasi pasaraya yang lain dari segi jualan. Mungkin kerana kedudukannya yang begitu strategik dan juga berhampiran dengan kedai-kedai yang lain. Jadi



OLEH HELMI HALIM

pasar raya tersebut menjadi tumpuan pelanggan kerana barang yang terdapat di pasar raya tersebut murah dan berkualiti tinggi. Dato Hermawan mengangguk bila Mr. Chin menerangkan kepadanya.

Dato Hermawan hanya berpakaian biasa saja, berbaju lengan pendek dan memakai capal seperti pelanggan biasa. Dia tidak menampakkan sebagai seorang penting, dia mahu melihat sendiri apa yang sedang berlaku dalam pasaraya tersebut. Dia banyak mendengar sugutan dan aduan dari pegawainya mengenai prestasi pekerja dan juga kemajuan pasaraya tersebut. Walaupun mereka mengatakan prestasinya meningkat tapi dia mahu melihat secara dekat.

Dato berjalan di celah-celah lorong bersama Mr. Chin, dia membisikkan kepada Mr. Chin supaya melayan dia seperti pelanggan biasa supaya pekerja-pekerja di situ tidak mengenalinya. Dia menolak troli sama seperti pelanggan yang lain sambil matanya melirik dan memerhatikan keadaan sekeliling. Suasana di dalam Pasaraya HM ketika itu terlalu sibuk, kebetulan

semalam orang baru terima gaji dan hari Ahad pula, tentulah ramai pelanggan yang datang. Lagu-lagu hari raya berkumandang diselang-seli dengan suara garau DJ menunaikan permintaan pekerja-pekerja yang ditunjukkan juga kepada rakan-rakan mereka yang berada di pasaraya tersebut.

"Ada juga mereka tujuhan lagu, entah-entah mereka bercinta ke?" kata Dato Hermawan dalam hati.

"Assalamualaikum," Dato Hermawan memberi salam kepada seorang pekerja baru yang tinggi lampaui. Dia baru melihat pemuda itu bekerja di sana. Menurut keterangan Mr. Chin, ramai pekerja baru dimasukkan bulan ini, pemuda itu salah seorang daripadanya.

"Walaikumussalam," pemuda itu menjawab dengan penuh hormat, dia menundukkan kepalanya sambil tersenyum. Dia meletakkan kotak yang berisi cili sos itu ke tepi. Dia menyambut salam Dato Hermawan. Pemuda itu memandang Mr. Chin sambil menunggu isyarat daripadanya.

"Dia kawan," Mr. Chin

SUASANA agak meriah, kelihatan beberapa kakitangan yang selalunya duduk di dalam pejabat sibuk menolong juruwang di kaunter pembayaran. Mereka duduk menolong memasukkan barang pelanggan ke dalam beg plastik. Kelihatan juga beberapa kakitangan bawahan memakai tali leher supaya kelihatan segar dan kemas. Mereka diarahkan supaya memakai tali leher, maklumlah ada pelawat istimewa hendak datang melawat. Mereka membuat kerja dengan bersungguh-sungguh, mereka tidak tahu pukul berapa pelawat istimewa itu datang, hanya yang tahu Mr. Chin seorang.

memberitahu pemuda itu.

"Oo, pak cik kerja di mana?" Pemuda itu bertanya balik kepada Dato Hermawan. Dia tidak kenal langsung kepada Dato. Mr. Chin tersenyum, pekerja yang lain membuat kerja masing-

jantan mula menitik walaupun hawa dingin di tempat dia bekerja itu sejuk.

"Nama siapa?"

"Saya Helmi."

"Pak cik beli barang ke atau hendak membandingkan harga di tempat pak cik?" Helmi cuba berseluruh dan menoleh sambil tersenyum kepada pak cik yang berdiri di sisinya. Orang tua itu memandang dengan pandangan yang penuh makna.

"Ya, ya," Orang tua itu melihat sekeliling satu demi satu barang itu diambilnya sambil merenung harga barang yang terlekat pada barang itu.

"Boleh tahan juga harga di sini ya patutlah ramai orang datang membeli di sini," sambung Dato Hermawan.

"Sekarang pasar raya ini mengadakan jualan besar-besaran pak cik, semuanya murah-murah, kalau pak cik nak beli baguslah," Helmi mencadangkan kepada Dato yang berdiri di hadapannya.

"Awak orang Malaysia ke?" Dato itu bertanya Helmi kerana cara loghat dia bercakap serupa dengan loghat isterinya. Kebetulan isteri Dato Hermawan orang Malaysia.

"Taklah pak cik, saya orang Brunei."

"Betul ke, cuba lihat i.c."

"Nah ini i.c. saya pak cik."

"O orang Brunei rupanya," orang tua itu mengangguk-angguk bila melihat warna kad pengenalan pemuda itu. Dia tersenyum melihat gelagat pemuda itu. Ada juga orang seperti ini di Brunei, geli hati melihat gelagat pemuda itu.

"Handsome juga ya, sudah kahwin ke?" Dato Hermawan mengusik sambil tersenyum dan menye-

rahkan kad pengenalan pemuda itu kembali.

"Bagaimana kerja di sini, ok."

"Ok juga, nak cari duit raya." Helmi jawab selamba.

"Awak masih sekolah lagi ke?"

"Saya belajar di Maktab Teknik, tengah cuti dua bulan," jawab Helmi ringkas. Dia cuba menyelami hati orang tua itu. Helmi tidak dapat menduga apa yang tersirat dalam hatinya.

"Pak cik dengan Mr. Chin kawan baik ke?"

"Oh Mr. Chin, saya kenal dia semasa dalam pesawat ketika balik dari KL tempoh hari. Dia ini businessman," sambil memandang Mr. Chin tersenyum.

"Pak cik dari mana?"

"Saya orang Brunei juga, saya menjadi pengurus di sebuah syarikat pasaraya di bandar."

"Oh jadi pak cik nak bandingkan supermarket di sini dengan di sanalah ya," Helmi cuba bergurau dengan pak cik itu. Walaupun perkataan itu nampak bergurau dia tetap hormat kepada Dato yang berdiri di hadapannya. Dato Hermawan juga tertarik dengan gaya Helmi berbicara, ada gaya orang Malaysia. Tapi dia berdiam diri dulu supaya penyamarannya tidak diketahui pekerja-pekerja lain terutamanya yang baru masuk bekerja.

"Ya, ya, tentulah, kita nak tahu bagaimana supermarket ini mengendalikan perniagaan dan cara mereka mengurus pekerja-pekerjanya," sekali lagi Mr. Chin tersenyum dengan kenyataan orang tua itu. Pekerja-pekerja yang lain tekun melakukan kerja-kerja mereka.

"Kenapa hari ini mereka pakai tali leher," Dato Hermawan pura-pura

PUISI

KEIKHLASAN HATI

Sudah masanya kita memiliki rumah berteduh dan membimbing keluarga diri di sini kita berjemaah sujud pada Ilahi inilah rumah di dunia untuk berjiran sesama manusia dengan ikhlas kunjung-mengunjungi sesama kita bukan kerana alasan susah mengaga aku tahu indung kita tak boleh memandu tapi basalah siapa yang pandai drive untuk ikatan mesra dan kekeluargaan sayangnya rumah tersergam tukal berbunyi dan pahat mengetuk sakit gegandang telinga pelbagai bicara aku bisa bantu kamu tapi kamu tidak mahu dibantu terserah semua pada Ilahi yang menentukan kita.

Nonim HT

SESEBUAH PERKATAAN

Lahir sebuah kata-kata dari pelbagai jenis bibir dari bibir berkata si lidah dari lidah datang dari hati dari hati datang dari akal fikiran.

Jadilah sebuah kata-kata tanpanya tiada akan tercapai kata walau berjuta hujah kalau hati kata tidak akan terpendam hasrat.

Semua anggota bersatu untuk sebuah matlamat untuk satu erika untuk sebuah ucapan.

PM Qawi HB

AKU

Aku menginsafi yang telah kulalui yang membuat kecekal hati untuk melangkah lagi dalam arus hidup selagi nadi hidup berdenyut.

Aku yang menyukuri akan kurniaan-Mu yang mengagumi akan kebesaran-Mu lalu kumenyedari aku insan kecil yang memerlukan petunjuk dari-Mu.

Enny Eng. S

PENYELESAIAN YANG KELIRU (Untuk pemimpin dunia antarabangsa)

Suatu penyelesaian mantap keharmonian semua agama dunia berhakikat kedamaian manusianya saja ... bukan agamanya.

Agama itu suci Taurat, Zabur, Injil, Quran kamus kedamaian dendam-mendendam biasa dendam kedamaian luar biasa prinsip agama dunia.

Pesangka buruk bukan penentuan dendam bukan penyelesaian tapi, kebodohan keperibadian ikut rasa binasa ikut hati mati.

Satu pengorbanan jata keselamatan suatu ujian dari Tuhan di mana keikhlasan jalan penyelesaian mengharap kedamaian.

Bermusuhan itulah perang!

Perang kemanusiaan menang jadi kebanggaan tapi lambang kebodohan berjuta bangkai tulang. Apakah itu hakikat?

rendahnya generasi Adam kita insan istimewa ada tercaat otak mengikut fitrah dan sifat Maha Pencipta yang berhak.

Tua bangsa itu umur dunia pasti binasa entah bila jangan cari bala jangan cari kiamat.

Rasa apa yang dirasa khianat bukan senjata senjata memakan tuan takbur mencipta kecekalan perasaan menghantui perasaan untuk pembalasan.

Satu pembalasan untuk penyelesaian tapi mengelirukan kerana ikut perasaan perasaan teman syaitan dari Adam dan keturunan.

Penyelesaian suatu ujian insan wira pahlawan pahlawan fikiran demi kedamaian hakikat penghidupan insan sejagat punya impian.

Asbatimah

WAHAI TEMANKU ... SELAMAT TINGGAL

Biarlah terjadinya perpisahan agar tabah hati menempuh dugaan untuk membuktikan segalanya ... pertalian ini adalah ikatan yang sejati ...

Tidak lama lagi aku akan meninggalkan apa yang baru aku miliki meninggalkan kalian semua demi mengejar cita-citaku biarlah nanti rindu menjadi temanku dan kenangan menjadi anganku.

Terima kasih kucapkan kerana sudi berkongsi kegembiraan dan kedukaan kalian yang kumpikan selama ini sahabat di kala gembira dan nestapa.

Wahai temanku perpisahan ini walau tanpa kerelaan tiada apa yang perlu dikisahkan kerana setiap permulaan pasti ada penghujungnya.

Bersyukurlah ke hadirat Ilahi kerana mimpi semalam telah mengajarku erti kepahtitan dan inilah yang telah menjadi penawarku penawar itu adalah kalian semua.

Untukku akhiri semua ini tidak bermakna aku pergi tanpa kembali sematlah segala di jiwa kalian agar aku tenang menempuh hari muka perjuanganku di sini sudah berakhir aku pasti kembali jua.

Adytinjaya

HARGA KALIMAT SALAM

Dua hari raya kumandang aku jelang rumahmu nama diimbau didahulukan salam!

Naman kau tiada juga terlihat tanpa menguakkan pintu tertutup rapat segala pagar batu berpejal tiada nampak kulihat tiada nampak!

Salamku tiada tembus loceng tiada berdentung elektrik diam imbauku sepi dukacita berkerat kusimpan segala debu sejahtera jua yang kekal di setiap salam!

Adi Misere

Dari muka 12

tidak tahu kenapa ramai pekerja ketika itu memakai tali leher. Dia tahu mereka itu nak mengabui mata Dato. Dia tahu trik itu, trik lama, di hadapan bos berlagak rajin dan nampak kemas.

"Entah, ada pelawat istimewa nak melawat. Biasanya mereka tak pakai tie pun tapi hari ini mereka pakai pula, kata Mr. Chin ada Dato nak datang melawat. Dato mana entah saya pun tak kenal," Helmi memberitahu keadaan sebenarnya kepada Dato Hermawan.

"Awak kenal ke dengan Dato tu," Dato Hermawan cuba mengusik.

"Tak kenal pula," Helmi menjawab ringkas.

"Ada berapa orang Dato yang engkau kenal di sini?"

"Kawan-kawan saya kata, ada tiga orang Dato, satu Dato dari Malaysia, satu dari Republik Singapura dan satu lagi Dato dari Brunei sendiri."

"Oo, begitu, bagaimana rupa dato Brunei tu?" Dato Hermawan selamba bertanya kepada pekerja baru ini. Dia cuba mengagak sama ada pekerja baru ini mengenali atau dia saja pura-pura tidak mengenalnya. Nampak dari air muka pemuda itu, dia sungguh-sungguh tidak mengenalnya.

"Entah saya pun kurang pasti, mereka kata umurnya dalam lingkungan enam puluhan," Helmi memberitahu secara jujur.

Dato Hermawan dan Mr. Chin hairan kenapa pemuda itu tidak kenal



kepadanya walhal dia mengatakan dia orang Brunei. Mungkin pemuda ini tidak mengikuti perkembangan dunia perniagaan. Dato Hermawan begitu terkenal dalam dunia perniagaan Melayu di Brunei. Dia begitu aktif sekali. Dato Hermawan memandang kepada Mr. Chin sebagai tanda isyarat kepadanya. Mr. Chin tersenyum melihat gelagat pekerja barunya ini. Dia rajin bekerja tapi apakah mungkin benar dia tidak mengenali Dato Hermawan. Mungkin juga kerana dia lama tinggal di Malaysia. Katanya dia lahir di Malaysia semasa ayahnya belajar di Malaysia dulu.

"Itu siapa pula budak bantut yang bersilat tu?" Dato menunjuk kepada pekerja yang bersilat dengan kawannya di belakang bahagian stor. Kedua-dua mereka tidak nampak kepada Dato dan Mr. Chin yang sedang memerhatikan gelagat mereka.

"Budak tu bagus kerja,

bila kerja mereka selesai mereka akan releks sambil bersilat, mereka melepaskan tension dengan bersilat," Helmi menerangkan kepada Dato, dia cuba mempertahankan kawannya itu. Dato mengangguk kepalanya tanda setuju sambil tersenyum, loyar buruk juga pemuda ni, kata hatinya. Tapi dia pun setuju juga dengan pendapat pemuda itu.

"Oh begitu, bagus juga begitu, tapi itu kan menganggu pelanggan yang datang."

"Sesekali tak apalah asal kerja mereka beres sudah."

"Supervisor kamu mana?" Dato mengalihkan pertanyaan bila dilihatnya supervisor tidak ada di kawasan tu.

"Mungkin dia ada kerja di tempat lain, banyak kawasan yang dijaganya."

"Jadi kamu kerja sendiri."

"Ya, saya kena isi rak-rak yang kosong supaya barang sentiasa ada dan mudah pelanggan membelinya."

"Bagus, kalau begitu kerjalah baik-baik saya nak beli yang ini saja."

"Itu saja, kenapa tak beli yang lain."

"Lain kali saja nanti saya suruh anak dan isteri shopping." Dato Hermawan berlalu sambil senyum sendiri, dia berjalan ke kaunter lain diiringi oleh Mr. Chin. Setelah Dato berlalu, dua tiga pekerja datang kepada pemuda itu.

"Engkau tahu siapa yang dengan kau bercakap tadi?"

"Tak tau."

"Dialah Dato Hermawan yang empunya Pasaraya HM ni."

"Oh begitu, nasib baik aku tak cakap lebih-lebih

dengan dia."

"Habislah rahsia di sini kau beritahu ya," salah seorang pekerja itu menyampuk sambil mengusik Helmi.

"Tak adalah, aku hanya memberitahu apa yang ditanyanya saja, orangnya baik dan bertanggjawab," Helmi memberitahu kawan-kawannya. Sejak hari itu dia menjadi pekerja yang tekun dan kawan-kawannya juga menghormati Helmi. Walaupun dia pekerja baru tapi dia dapat menambat hati Dato Hermawan dan suka berterus terang.

Sejak hari itu Dato Hermawan selalu menghubungi Mr. Chin bertanyakan pemuda yang pandai berceles dan menarik perhatiannya. Pasaraya HM kini bertambah maju dengan perubahan yang dilakukan oleh Dato Hermawan terutama kebajikan pekerja. Dia berfikir terbuka, suka mendengar pendapat orang lain terutama dari pekerja bawahan. Dia mahu jadi orang yang mudah didekati dan menerima kritikan.

Setiap kali dia pergi ke Pasaraya HM pasti dia mencari pemuda yang menambat hatinya itu, dia akan bercerita dan minta pandangan dari pemuda tersebut bagaimana untuk memajukan lagi Pasaraya HM. Helmi bekerja seperti biasa, dia mahu menjadi pekerja contoh dan dia sendiri memasang cita-cita satu hari nanti dia mahu menjadi seperti Dato memiliki pasar raya yang lebih canggih dan moden. Tidak mustahil jika ada kemajuan dan kesungguhan. Sesungguhnya, Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu mengubah nasib mereka sendiri.

HELMI bekerja seperti biasa, dia mahu menjadi pekerja contoh dan dia sendiri memasang cita-cita satu hari nanti dia mahu menjadi seperti Dato memiliki pasar raya yang lebih canggih dan moden. Tidak mustahil jika ada kemajuan dan kesungguhan. Sesungguhnya, Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu mengubah nasib mereka sendiri.



سنتياس برسام بيسكتيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jaja rancangan

RABU 6 MAC

PAGI

| | |
|-------|--------------------------------------|
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN |
| 6.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 6.12 | RAMPAI PAGI - <i>Siaran Langsung</i> |
| 9.00 | BERITA |
| 9.15 | RAMPAI PAGI - <i>Sambungan</i> |
| 10.00 | SIARAN TAMAT |

PETANG

| | |
|------|---|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN |
| 4.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 4.10 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 4.15 | ED, EDD N EDDY |
| 5.00 | JUARA - <i>Siaran Langsung</i> |
| 5.35 | WILDLIFE ADVENTURES - <i>'Mischievous Meerkots'</i> |
| 5.45 | BERITA |
| 6.34 | AZAN MAGHRIB |
| 6.45 | SIRAH NABAWIYAH |

MALAM

| | |
|-------|---|
| 7.00 | LIPUTAN SEMASA |
| 7.25 | WANITA - <i>Ulangan</i> |
| 7.43 | AZAN ISYAK |
| 8.00 | BERITA NASIONAL |
| 8.50 | DRAMA CO PRODUCTION: <i>'Tersayang'</i> |
| 9.25 | MUTIARA HUTAN - <i>'Convolvulaceae - Kaum Kangkong'</i> |
| 10.00 | NEWS AT 10 |
| 10.30 | DRAMA STV 12 - <i>'Phua Chu Kang'</i> |
| 11.00 | MASTER OF ILLUSION |
| 12.00 | DOA DAN SIARAN TAMAT |

KHAMIS 7 MAC

PAGI

| | |
|-------|--------------------------------------|
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN |
| 6.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 6.12 | RAMPAI PAGI - <i>Siaran Langsung</i> |
| 9.00 | BERITA |
| 9.15 | RAMPAI PAGI - <i>Sambungan</i> |
| 10.00 | SIARAN TAMAT |

PETANG

| | |
|------|---|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN |
| 4.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 4.10 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 4.15 | ANIMATION HOUR: <i>'Blinky Bill/Batman of The Future'</i> |
| 5.15 | WORLD OF AUDUBON |
| 5.45 | BERITA |
| 6.33 | AZAN MAGHRIB |
| 6.45 | FIQHUL MIRATHS |

MALAM

| | |
|-------|---|
| 7.00 | SURAH-SURAH PILIHAN |
| 7.25 | GEMA ISLAM |
| 7.43 | AZAN ISYAK |
| 8.00 | BERITA NASIONAL |
| 8.50 | AN NUUR - <i>Siaran Langsung</i> |
| 10.00 | NEWS AT 10 |
| 10.30 | DRAMA: <i>Di Lubuk Hatinya</i> |
| 11.00 | WAYANG PILIHAN - <i>'Lethal Weapon 4'</i> |
| 12.30 | DOA DAN SIARAN TAMAT |

JUMAAT 8 MAC

PAGI

| | |
|-------|---|
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN |
| 6.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 6.12 | RAMPAI PAGI - <i>Siaran Langsung</i> |
| 9.00 | BERITA |
| 9.15 | RAMPAI PAGI - <i>Sambungan</i> |
| 10.00 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 10.15 | SESAME STREET |
| 11.15 | HAIWAN BELAYAN - <i>Siri Baru</i> |
| 11.30 | BERITA |
| 11.40 | HOME GREEN HOME |
| 12.15 | DISCOVER ISLAM |
| 12.30 | SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- <i>Siaran Langsung</i> |

PETANG

| | |
|------|---|
| 1.30 | GEMA ISLAM - <i>Ulangan</i> |
| 2.00 | SUKAN |
| 2.30 | ANTARABANGSA |
| 2.30 | DINAMIK - <i>Siaran Langsung</i> |
| 3.00 | TAYANGAN GAMBAR - <i>'Dead Man's Revenge'</i> |
| 3.47 | AZAN ASAR |
| 4.35 | KUIZ HIJRAH 1423 |
| 5.30 | TECHNOLOGY WORLD |
| 5.45 | BERITA |
| 6.15 | AT TAHZIB |
| 6.33 | AZAN MAGHRIB |
| 6.45 | AN NAZHAFAH |

MALAM

| | |
|-------|--|
| 7.00 | LIPUTAN SEMASA |
| 7.20 | ALAM FLORA |
| 7.43 | AZAN ISYAK |
| 8.00 | BERITA NASIONAL |
| 9.00 | DRAMA ASAM GARAM - <i>Ulangan</i> |
| 9.30 | HEALTH WORKS |
| 10.00 | NEWS AT 10 |
| 10.40 | KHUTBAH JUMAAT |
| 10.55 | TELEDRAMA - <i>'Aku Tak Berdosa' Bhg X</i> |
| 12.25 | DOA DAN SIARAN TAMAT |

SABTU 9 MAC

PAGI

| | |
|-------|---|
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN |
| 6.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 6.12 | RAMPAI PAGI - <i>Siaran Langsung</i> |
| 9.00 | BERITA |
| 9.15 | RAMPAI PAGI - <i>Sambungan</i> |
| 10.00 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 10.10 | ANIMATION HOUR: <i>Storks Tales/The Adventures Of Blinky Bill</i> |
| 11.00 | SCIENCE INSIGHT |
| 11.30 | BERITA |
| 11.40 | DRAMA CO PRODUCTION: CATATAN MISTERI - <i>Ulangan</i> |
| 12.33 | AZAN ZUHUR |
| 12.40 | DOKUMENTARI TEMPATAN: WARISAN BUDAYA - <i>Ulangan</i> |

PETANG

| | |
|------|--|
| 1.20 | PANGGUNG PETANG SABTU - <i>'Major League II'</i> |
| 3.00 | DOKUMENTARI: <i>'Silat Cakak Asli Brunei' - Ulangan</i> |
| 3.30 | DOKUMENTARI - <i>'Okofenokee: Land Of Eternal Mystery'</i> |
| 3.46 | AZAN ASAR |
| 4.00 | SPORTWORX |
| 5.00 | ANIMATION HOUR: Jin Jin & The Panda Petrol/Care Bears |
| 5.45 | BERITA |
| 5.55 | UNEARTHED |
| 6.33 | AZAN MAGHRIB |
| 6.45 | DARI MAHKAMAH KADI |

MALAM

| | |
|-------|---|
| 7.00 | DUNIA ASIA |
| 7.25 | KLINIK KITA - <i>Siri II</i> |
| 7.42 | AZAN ISYAK |
| 8.00 | BERITA NASIONAL |
| 8.50 | HIBURAN |
| 10.00 | NEWS AT 10 |
| 10.30 | TAYANGAN GAMBAR - <i>'The Sun, The Moon & The Star'</i> |
| 12.05 | LIGA MALAYSIA 2002 - PERDANA DUA - <i>'Brunei Darussalam lwn MPPJ Selangor'</i> |
| 01.05 | DOA DAN SIARAN TAMAT |

AHAD 10 MAC

PAGI

| | |
|------|---------------------------|
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN |
| 6.02 | MUTIARA FIRMAN |

| | |
|-------|---|
| 6.12 | RAMPAI PAGI - <i>Siaran Langsung</i> |
| 9.00 | BERITA |
| 9.15 | RAMPAI PAGI - <i>Sambungan</i> |
| 10.00 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 10.10 | SESAME STREET |
| 11.15 | KLIKI KLIKI KLIKI! |
| 11.30 | BERITA |
| 11.40 | SUNDAY MATINEE - <i>'Rover Dangerfield'</i> |
| 12.32 | AZAN ZUHUR |
| 12.40 | SUNDAY MATINEE - <i>Sambungan</i> |

PETANG

| | |
|------|--|
| 1.30 | ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002 - <i>Preview</i> |
| 1.50 | ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002 - DRAMA STV 12 - <i>'Pasir Panjang Roboh' Bhg VII</i> |
| 2.45 | PERTANDINGAN BINTANG KECIL 2002 - <i>'Suku Akhir Pertama'</i> |
| 3.40 | AZAN ASAR |
| 4.35 | ANIMATION: TOM AND JERRY KIDS III |
| 5.00 | GOLI GOLI BRUNEI - <i>Siaran Langsung</i> |
| 5.45 | BERITA |
| 5.55 | MUSLIMS OF THE WORLD |
| 6.33 | AZAN MAGHRIB |
| 6.45 | LANTIRA |

MALAM

| | |
|-------|---|
| 7.00 | ZIHNUL ISLAM |
| 7.42 | AZAN ISYAK |
| 8.00 | BERITA NASIONAL |
| 8.50 | TIRAI KELUARGA - <i>'Fantasi Mimpi'</i> |
| 10.00 | NEWS AT 10 |
| 10.30 | TIRAI KELUARGA - <i>Sambungan</i> |
| 11.00 | STINGERS - <i>'Onto The Cold'</i> |
| 12.45 | DOA DAN SIARAN TAMAT |

ISNIN 11 MAC

PAGI

| | |
|-------|--------------------------------------|
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN |
| 6.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 6.12 | RAMPAI PAGI - <i>Siaran Langsung</i> |
| 9.00 | BERITA |
| 9.15 | RAMPAI PAGI - <i>Sambungan</i> |
| 10.00 | SIARAN TAMAT |

PETANG

| | |
|------|--------------------------------------|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN |
| 4.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 4.12 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 5.15 | ANIMATION HOUR: THE ZETA PROJECT/THE |

| | |
|------|--------------------------------|
| 5.15 | ADVENTURES OF SUPER MARIO BROS |
| 5.45 | SUKAN GLOBAL |
| 5.55 | BERITA |
| 6.33 | CUTTING EDGE |
| 6.45 | AZAN MAGHRIB |
| | BIMBINGAN KELUARGA |

MALAM

| | |
|-------|--|
| 7.00 | LIPUTAN SEMASA |
| 7.25 | ASBABUN NUZUL - <i>Ulangan</i> |
| 7.42 | AZAN ISYAK |
| 8.00 | BERITA NASIONAL |
| 8.50 | FORUM PERDANA HARI KEBANGSAAN - <i>Siaran Langsung</i> |
| 10.00 | NEWS AT 10 |
| 10.30 | THE PLANET'S FUNNIEST ANIMALS |
| 11.00 | DOCUMENTARY - <i>'Sugar Scandal'</i> |
| 12.30 | DOA DAN SIARAN TAMAT |

SELASA 12 MAC

PAGI

| | |
|-------|--------------------------------------|
| 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN |
| 6.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 6.12 | RAMPAI PAGI - <i>Siaran Langsung</i> |
| 9.00 | BERITA |
| 9.15 | RAMPAI PAGI - <i>Sambungan</i> |
| 10.00 | SUSUNAN RANCANGAN |

PETANG

| | |
|------|--|
| 4.00 | LAGU KEBANGSAAN |
| 4.02 | MUTIARA FIRMAN |
| 4.10 | SUSUNAN RANCANGAN |
| 4.15 | ANIMATION HOUR - <i>'The Why Why Family/ Dragon Tales' - Ulangan</i> |
| 5.00 | INSIDE THE INFERNO - <i>'Hearts On Fire'</i> |
| 5.45 | BERITA |
| 6.05 | DRAMA CO PRODUCTION: SITI AYU - <i>Ulangan</i> |
| 6.33 | AZAN MAGHRIB |
| 6.45 | BIMBINGAN MUKMIN |

MALAM

| | |
|-------|--|
| 7.00 | COSBY - <i>'Guard Almighty'</i> |
| 7.25 | DOKUMENTARI - <i>Destinasi</i> |
| 7.42 | AZAN ISYAK |
| 8.00 | BERITA NASIONAL |
| 8.50 | DOKUMENTARI SUKAN: <i>'Penerbangan RBA Ke Shanghai, China'</i> |
| 9.25 | ELEMENTS |
| 10.00 | NEWS AT 10 |
| 10.30 | ADRENALIN JUNKIES |
| 11.15 | FIRE |
| 12.00 | DOA DAN SIARAN TAMAT |



Kempen membersihkan Pantai Muara

MUARA. - Kempen kebersihan merupakan antara projek tahunan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB). Pada tahun ini kempen tersebut dilaksanakan bersempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18.

Antara lain tujuan projek tersebut diselenggarakan adalah untuk menyahut seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi membaiki dan menambahkan lagi keindahan negara, sekali gus bagi menarik minat para pelancong untuk berkunjung ke negara kita yang tercinta ini.

Seramai 350 orang anggota ATLDB telah menyertai di dalam kerja berkebiasaan ini termasuklah pegawai-pegawai serta ahli-ahli kerahan tenaga awam. Gambar atas dan kanan memperlihatkan ketika kempen itu diung- kayahkan oleh para anggota ATLDB. - (Berita dan gambar-gambar sumbangan ATLDB).



PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Apakah nama panggilan ringkas bagi Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad yang ditubuhkan baru-baru ini?

- a). Syarikat Petroleum
- b). Petroleum Kebangsaan
- c). PetroleumBRUNEI

2. Pada tahun 2000 yang lalu, Jabatan Perkhidmatan Bomba telah menerima beberapa panggilan kecemasan?

- a). 2,648
- b). 4,268
- c). 6,486

3. Apakah tajuk cerpen PELITA BRUNEI keluaran 30 Januari, 2002?

.....

.....

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
2. Jawapan Alai Pintar keluaran 13 Februari, 2002.
1. B 2. C 3. Yang Tersayang Yang Terlarang.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN 13 FEBRUARI, 2002.

ABDUL QAWIE BIN AWANG HAJI HAMZAH,
NO. 13, JALAN DURIAN,
KAMPONG JAYA BAKTI,
BERAKAS, BB 3113.
UMUR : 9 TAHUN
SEKOLAH RENDAH AMAR PAHLAWAN

NORRASHIDAH BINTI JUNI,
NO. 62 G, KAMPONG SUMBILING LAMA,
JALAN ISTANA DARUSSALAM, BN 1111.
UMUR : 12 TAHUN
S.T.P.R.I.

DAYANG NORHAMIZAH BINTI HAJI JOHARI,
NO. 92, SIMPANG 94,
KAMPONG MULAUT, SENGKURONG.
UMUR: 10 TAHUN
SEKOLAH P.D.S.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 519

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 519,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah QAF Brunei ketika menghadiri taklimat Forum Perdagangan Britain-Brunei (BBBF) yang disampaikan oleh Steven Brice dari Pejabat Kumpulan Standard Chartered, Republik Singapura. - Gambar oleh Hamadi HM.

BBBF tingkat perdagangan

Oleh Ak. Jeffri PD

BANDAR SERI BEGAWAN. - Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah QAF Brunei yang juga selaku Penaung Forum Perdagangan Britain-Brunei (BBBF), Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi berkenan menghadiri taklimat forum BBBF yang pertama, 20 Februari lalu.

Majlis yang diadakan di sebuah hotel di Berakas juga dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Andrew Caie.

Taklimat bertajuk 'Brunei dan Ekonomi Serantau' yang disampaikan oleh Steven Brice dari Pejabat Kumpulan Standard Chartered di Republik Singapura.

Forum yang dirasmikan pada bulan Jun tahun lepas bertujuan untuk meningkatkan persefahaman dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Bekerjasama dengan kerajaan pastikan pembangunan negara

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pengarah Radio dan Televisyen Brunei (RTB) menyeru kepada syarikat-syarikat swasta di negara ini supaya mengadakan rakan kerjasama dengan pihak kerajaan bagi memastikan perkembangan dalam pelbagai bidang.

Pengiran Dato Paduka Haji Ismail berkata, ia adalah sejajar dengan dasar kerajaan ke arah pembangunan negara, selain ia juga memastikan kejayaan

Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8.

Beliau membuat seruan tersebut di Majlis Penyerahan Peralatan Komputer Sumbangan Dewan Perniagaan Tionghoa Negara Brunei Darussalam 20 Februari lalu di Bilik Berita RTB.

Sementara itu, dalam ucapan balas, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Tionghoa, Awang Robert Koh Hoe Kiat berkata,

Oleh **Abdullah Asgar**

dewannya berminat pada liputan berita-berita ekonomi yang meluas oleh RTB.

Katanya, dewan perniagaan percaya dengan lebih banyak liputan berita-berita ekonomi ia mungkin boleh menyemai persefahaman yang baik dan penghargaan ke atas pel-

bagai kegiatan ekonomi.

Jelasnya, sumbangan beberapa unit komputer kepada Bilik Berita RTB merupakan sebagai komitmen dewan dalam membantu meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya kegiatan-kegiatan ekonomi sebagai pemangkin pertumbuhan kemajuan negara.

Sumbangan itu dibuat antara lain sebagai menyokong RTB meluaskan berita ekonominya.



PENGARAH Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail ketika menerima sumbangan komputer dari Dewan Perniagaan Tionghoa Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Yang Dipertua Dewan Perniagaan Tionghoa, Awang Robert Koh Hoe Kiat. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Ditetapkan sebagai Timb. Pesuruhjaya Polis



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menetapkan pangkat sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis kepada Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Damit.

Penetapan pangkat itu bermula pada 15 Februari, 2002 lepas.

Jangan terlibat dengan kegiatan kurang sihat

Oleh **Samle HJ**

GADONG. - Pusat Latihan Polis terus merancang secara komprehensif dan teliti di dalam latihan penyiasatan yang menjurus

kepada kemahiran penyiasatan, kuasa-kuasa polis dan sebagainya seperti yang termaktub di dalam 'Criminal Procedure Code'.

Komandan Pusat Latihan Pasukan Polis Diraja Brunei, Penguasa Polis Abdul Rahim menasihatkan agar penyiasatan kes-kes jenayah dan kemalangan jalan raya dijalankan mengikut undang-undang.

"Jangan sekali-kali menyalahkan kuasa yang ada atau terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang mempunyai elemen yang kurang sihat seperti rasuah, terlibat di dalam kegiatan dadah, mengabaikan kertas-kertas penyiasatan dan mengamalkan fikiran negatif," jelasnya di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Penyiasatan 1/2002 di Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei pada 16

Februari lalu.

Beliau juga berharap semua peserta akan terus menunjukkan prestasi kerja yang baik demi menaikkan imej pasukan polis.

Seramai 24 orang anggota menyertai kursus selama enam minggu dalam usaha jabatan berkenaan meningkatkan kualiti dan kemahiran di bidang siasatan jenayah.

Tetamu kehormat

majlis, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan Pasukan Polis Diraja Brunei, Penguasa Kanan, Peng Eng Lee menyampaikan sijil-sijil kepada peserta yang menyertai kursus berkenaan.

Sepanjang tahun ini, pasukan berkenaan akan terus mengelolakan tiga lagi kursus kepada ahli pangkat rendahnya bagi kursus yang serupa.



MAJLIS Doa Kesyukuran dan sembahyang berjemaah anjuran Kementerian Pertahanan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Doa Kesyukuran Hari Kebangsaan

Oleh **Haji Ahmad HS**

BERAKAS, 22 Februari. - Sambutan Hari Kebangsaan yang jatuh pada 23 Februari, 2002, pelbagai acara telah disusun oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan termasuklah majlis-majlis doa kesyukuran yang diadakan seluruh negara.

Sempena sambutan Hari Kebangsaan itu, Kementerian Pertahanan, Bolkhiah Garison juga tidak ketinggalan bagi sama-sama bersyukur dengan melangsungkan Majlis Doa Kesyukuran yang diadakan di Surau Bolkhiah Garison, di sini.

Hadir sama di majlis itu ialah Pengarah Gerakan dan Rancangan Kementerian Pertahanan, Kolonel

Dato Paduka Awang Jummat bin Zakaria, pegawai-pegawai dan anggota Kementerian Pertahanan.

Acara di majlis itu termasuklah sembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah, membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran. Acara kemuncak sambutan Hari Kebangsaan diadakan pada 23 Februari dengan perbarisan dan persembahan padang di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara bermula 7.30 pagi.